

No. Kelas: .....

No Perolehan: .....

Tarikh: ..... 8/4/87

DASAR-DASAR PEMILIHAN WAKIL RAKYAT DI KALANGAN  
MASYARAKAT KAMPUNG: SATU KAJIAN KES DI KAWASAN  
DEWAN UNDANGAN WAKAF MEMPELAM, TERENGGANU.

Untuk mendapatkan latihan Ilmiah ini, saya telah

berterima kasih kepada Dr. Mohd. Hassan

Mohd Zaid bin Sulong

Mohamed dan Syed Ahmad yang memberi bantuan dan memberi

No. Matrik : 045634

Segitas-segatas yang diberikan kepada saya. Saya tidak

tanpa bantuan dan kerjasama dari beliau yang telah

mempelajari penulisan saya. Saya juga mengucapkan alhamdulillah

menyayiskan latihan ilmiah ini dan akhirnya,

Latihan Ilmiah

**Bagi Memenuhi Sebahagian**

**Tidak Juga Saya Memerlukan Bantuan Kapada Pengerusi,**

**Daripada Syarat-Syarat Untuk**

**Percubaan** di Universiti Malaya, Prof. Khalid Khalilah

**Ijazah Sarjana Muda Sastera.**

Perluasan Pejabat Perhubungan dan negeri Terengganu, Pengurusan

Bilik Sekutu dan Pejabat Darihanjaya Pendidikan negeri

dan **JABATAN ANTROPOLOGY DAN SOSIOLOGY** yang penting kepada

saya. **UNIVERSITI MALAYA** untuk kampung yang memberi

kecemasan dan **KUALA LUMPUR..** membantu tinjauan dan tem-

uan.

Akhir sekali **Sesi 1986/87.** Saya berminat terima kasih kepada keluarga

tercinta yang memberi bantuan untuk menyelesaikan latihan

Ilmiah ini. Tidak juga juga kepada seorang yang memberi

bantuan serta memberi seorang tidak langsung untuk menyelesaikan latihan Ilmiah ini.

Akhir sekali kepada semua diucapkan rasa terima kasih.

Akhir sekali kepada semua diucapkan rasa terima kasih.

### PENGHARGAAN

Untuk menjayakan latihan Ilmiah ini, saya telah terhutang budi kepada Prof. Madya Dr. Hussein Mohammed yang bersusah payah menyemak dan memberi teguran-teguran yang membina kepada saya. Saya yakin tanpa bantuan dan kerjasama dari beliau yang juga memerupakan penyelia saya, saya rasa saya tidak akan dapat menyiapkan latihan Ilmiah ini dengan sempurna.

Tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada Pegawai Perhubungan UMNO negeri Terengganu, Encik Khalid Abdullah Petugas Pejabat Perhubungan Pas negeri Terengganu, Penghulu Mukim Gelugor dan Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya negeri Terengganu yang telah memberi maklumat penting kepada saya. Begitu juga kepada penduduk kampung yang memberi kerjasama mereka semasa saya membuat tinjauan dan temuramah.

Akhir sekali saya ucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga tersayang yang memberi bantuan untuk menjayakan latihan Ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada sesiapa yang memberi bantuan serta nasihat secara tidak langsung untuk menjayakan latihan Ilmiah ini. Akhir sekali kepada semua diucapkan ribuan terima kasih.

## SINOPSIS

Dalam bab pertama, perbincangan adalah tertumpu kepada tujuan kajian serta kepentingannya. Di samping itu dibincangkan juga metode yang telah digunakan. Seterusnya pula diberikan tentang masalah yang dihadapi semasa melakukan kajian dan konsep-konsep serta teori-teori yang digunakan.

Dalam bab kedua dibincangkan pula latarbelakang tempat kajian dari segi bentuk pimpinan, komunitinya, pendidikan, pekerjaan serta kemudahan sosial yang terdapat di kawasan tersebut. Juga dibincangkan tentang kawasan pilihanraya bagi kawasan tersebut.

Bab ketiga pula membincangkan tentang sikap serta penyertaan penduduk kawasan kajian. Ini adalah merujuk kepada bagaimana mereka disosialisasikan oleh agen-agen seperti media massa, keluarga, pendidikan, agama dan politik. Seterusnya perbincangan tertumpu kepada sikap aktif dan pasif penduduk kawasan tersebut, serta pemimpin politik yang mereka suka.

Seterusnya dalam bab empat ialah berkenaan dengan pemilihan wakil rakyat. Di sini mereka menyatakan orang yang menjadi wakil rakyat mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Perbincangan tertumpu dari segi pendidikan, pengalaman, sifat .....

..peribadi, kegiatan sosial dan lain-lain.

Dalam bab lima pula dibincangkan tentang sebab-sebab kekalahan UMNO dan kemenangan PAS. Ini merujuk kepada sifat peribadi, kelulusan, kegiatan sosial dan lain-lain yang bersangkutan dengannya.

Bab enam pula adalah satu analisis tentang pilihanraya umum 1986 mengenai ADUN Wakaf Mempelam dan Serada. Dalam bab ini juga menyatakan tentang kekalahannya dari segi sebabnya berlaku demikian di negeri Terengganu.

Bab tujuh pula merupakan kesimpulan yang didapati tentang perbincangan dalam bab-bab yang lalu. Di sini akan ~~menyatakan~~ menyatakan dasar-dasar yang perlu ada pada seseorang yang ingin menjadi seorang wakil rakyat. Dasar-dasar ini dilihat dari segi pendidikan, pengalaman dan lain-lain lagi.

Sekian terima kasih.


'Tuhan tidak  
akan mengubah nasib  
sesuatu kaum itu,  
malainkan kaum itu yang  
mengubahnya sendiri'.

Istimewa untuk;  
Kedua ibu bapa tersayang, adik-adik  
dan Fida.....

Peta 7


## KUALA TERENGGANU

Dicetak dengan kebenaran Pengarah Pemetaan Negara Malaysia.  
Hakcipta Kerajaan Terpelihara.  
DNMM. 24.04.1 Jld. 15/139.



← KE KUALA TERENGGANU.

PETA MENUNJUKKAN  
KEDUDUKAN KAMPONG KEPONG.




KG PENGADANG

BARU

JALAN RAYA


Batu 2

100m






PETA MENUNJUKKAN KEBUDUKAN



# TERENGGANU



PICTURE OF THE DISTRICTS OF THE STATE OF TERENGGANU FOR THE ELECTION

PILIHAN RAYA NEGERI TERENGGANU.



P.30 Besut

- N.1 Kuala Besut  
N.2 Kampung Raja  
N.3 Jertih  
N.4 Hulu Besut

P.35 Hulu Terengganu

- N.21 Telemong  
N.22 Manir  
N.23 Kuala Berang  
N.24 Tanggol

P.31 Setiu

- N.5 Jabi  
N.6 Permaisuri  
N.7 Langkap  
N.8 Batu Rakit

P.36 Dungun

- N.25 Mercang  
N.26 Jerangau  
N.27 Sura  
N.28 Paka

P.32 Hulu Nerus

- N.9 Tepoh  
N.10 Teluk Pasu  
N.11 Seberang Takir  
N.12 Bukit Tunggal

P.37 Kemaman

- N.29 Kemasik  
N.30 Kijal  
N.31 Cukai  
N.32 Bukit Bandi

P.33 Kuala Terengganu

- N.13 Bandar  
N.14 Ladang  
N.15 Batu Burok  
N.16 Wakaf Mempelam

P.34 Marang

- PETIA DAN  
N.17 Serada  
N.18 Bukit Payong  
N.19 Ru Rendang  
N.20 Binjai

## KANDUNGAN

I) Penghargaan	... ii
II) Sinopsis	... iii
Peta	

## BAB SATU

i. Tujuan dan bidang kajian	... 1
ii. Literature Review	... 6
iii. Metode Kajian	... 7
iv. Masalah kajian	... 9
v. Penguraian konsep	... 11
vi. Teori-teori	... 13

## BAB DUA.

### Latarbelakang kawasan kajian.

i. Latarbelakang kampung dari segi geografi	... 20
ii. Komuniti	.. 23
iii. Kepimpinan	.. 24
iv. Pendidikan anggota komuniti	.. 26
v. Kegiatan ekonomi komuniti	.. 28
vi. Kemudahan sosial	.. 31
vii. Kawasan pilihanraya yang baru	.. 33

## BAB TIGA

Sikap dan penyertaan dalam politik	... 35
a. Faktor sosial	...
i. Keluarga	... 36
ii. Pendidikan	... 39
iii. Media massa	... 43
b. 'Peer group'	... 46
c. Agama dan politik	... 52

## BAB EMPAT

### Wakil rakyat yang ideal.

a. Sifat-sifat peribadi	... 57
b. Kelulusan, pengetahuan dan kebolehan	... 61
c. Kedudukan ekonomi calon atau wakil rakyat	... 64
d. Kegiatan sosial calon atau wakil rakyat	... 66
e. Aspek ras	... 68
f. Tempat lahir atau asal calon atau wakil rakyat	... 69
g. Parti politik yang diwakili	... 70

## BAB LIMA

### Pilihan raya 1982:

Kemenangan Pas dan kekalahan UMNO	... 73
-----------------------------------	--------

1) Pihak Pakatan dan Bidangnya.

**Analisis pilihanraya 1986:**

Pilihanraya Dewan Undangan Negeri telah dijalankan secara-  
**Sebab-sebab kekalahan Pas di negeri Terengganu .... 85**

1982, sejak tahun 1955 sehingga seterusnya, sekiranya tujuh pilihan-  
raya telah diadakan. Pilihanraya Dewan 1982 adalah pilihanraya yang

**BAB TUJUH**

Kesimpulan pengkaji telah menepati kerusi kerusi di kawasan-

**Kesimpulan .... 96**

Kerugian Dewan Undangan (DUN) Mahat Hampolan ini telah di-  
nasehi oleh Pas dalam pilihanraya 1982 iaitu. Dalam pilihanraya 1986  
ini, Pas telah berjaya mempertahankan kerusi tersebut. Ia merupakan  
salah satu kerusi Dewan Undangan Negeri yang agak luar biasa  
dari keruasannya yang lain.

Sejak dari tahun 1969 hingga tahun 1982, kerusi keruasannya ini selalu  
bercukai pasti oleh UMNO (United Malays National Organisation) dan  
Pas (Parti Islam di Malaysia), kecuali pada tahun 1969 dan 1974 yang  
ditutupi oleh Pas. Ini adalah disebabkan dalam tahun 1974, Pas telah  
mengegantikan Barisan Nasional. Sebelum ini iaitu dalam pilihanraya  
1970, keruasannya ini telah dimenangi oleh parti UMNO (Barisan Nasional).  
Selain pilihanraya 1970 iaitu, keruasannya ini telah menghadapi pertandingan  
tiga penjuru di antara parti UMNO, Pas dan PBS (Parti Sosialis.....

## BAB SATU

### I) Tujuan Kajian dan bidangnya.

Pilihanraya Umum Dewan-Dewan Undangan Negeri telah dijalankan serentak dengan Pilihanraya Umum Dewan Rakyat, iaitu pada 22hb. April, 1982. Semenjak tahun 1955 hingga sekarang, sebanyak tujuh pilihanraya telah diadakan. Pilihanraya Umum 1982 adalah pilihanraya yang keenam.

Bagi negeri Terengganu, pengkaji telah menumpukan kajiannya di kawasanundi Dewan Undangan (DUN) Wakaf Mempelam yang telah dimenangi oleh Pas dalam pilihanraya 1982 lalu. Dalam pilihanraya 1986 ini, Pas telah berjaya mempertahankan kerusi tersebut. Ia merupakan salah satu kawasan Dewan Undangan Negeri yang agak luar biasa dari kawasan yang lain.

Semenjak dari tahun 1955 hingga tahun 1982, kerusi kawasan ini saling bertukar ganti antara UMNO (United Malays National Organization) dan Pas (Parti Islam se Malaysia), kecuali pada tahun 1969 dan 1974 yang dikuasai oleh Pas. Ini adalah disebabkan dalam tahun 1974, Pas telah menganggotai Barisan Nasional. Sebelum ini ia itu dalam pilihanraya 1978, kawasan ini telah dimenangi oleh parti UMNO (Barisan Nasional).

Dalam pilihanraya 1982 lalu, kawasan ini telah menghadapi pertandingan tiga penjuru di antara parti UMNO, Pas dan PSRM (Parti Sosialis.....

Rakyat Malaysia). UMNO telah diwakili oleh calon yang telah memenangi kerusi kawasan ini pada tahun 1978 iaitu Encik Mohamad Shafei Abdul Rahman. Calon Pas pula ialah Encik Mustafa @ Harun bin Ali, yang juga seorang yang berpengaruh dalam parti Pas pada peringkat negeri dan juga kebangsaan. Pada peringkat negeri, beliau adalah Timbalan Pesuruhjaya dan pada peringkat kebangsaan, beliau adalah Ketua Dewan Pemuda Pas Malaysia. Manakala PSRM pula telah mencalonkan Syed Shafei Tuan Baharu.

Dalam pilihanraya 1982 lalu, Mohamad Shafei Abdul Rahman yang juga merupakan calon yang mempertahankan kerusi yang telah dimenanginya dalam pilihanraya 1978 gagal mengekalkan kerusi tersebut. Beliau telah tewas kepada Mustafa @ Harun Ali dari parti Pas.

Dari segi jumlah pungutan undi, calon Pas telah memperolehi undi sebanyak 3712, calon UMNO memperolehi sebanyak 3291 manakala calon PSRM hanya mendapat 183 undi. Majoriti kemenangan Pas adalah sebanyak 421 undi sahaja.

Walaupun kemenangan dan kekalahan adalah sesuatu kelaziman dalam apa jua pertandingan, namun kemenangan parti Pas dan kekalahan parti UMNO, ia telah memberi kesan yang agak mendalam kepada parti UMNO.

---

Dalam pilihanraya 1978, calon Pas telah mendapat 1808 undi, calon UMNO telah mendapat 2580 undi manakala calon PSRM pula mendapat 1127 undi. Majoriti kemenangan UMNO dalam tahun 1978 ialah 772 undi.

Data-data ini diperolehi dari Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Terengganu.

Ini adalah disebabkan oleh keadaan semasa calon UMNO menjadi wakil rakyat, beliau telah banyak membawa perubahan kepada kawasan DUN ini. Selain dari itu ia juga telah memberi tamparan yang hebat kepada pihak UMNO kerana sebelum pilihanraya diadakan, mereka begitu yakin akan dapat mempertahankan kerusi kawasan ini.

Berhubung dengan ini, ia telah menarik minat pengkaji dan mendorong pengkaji untuk mencari jawapan terhadap kekalahan UMNO dan kemenangan Pas ini. Ini adalah berhubung dengan sikap penduduk kawasan ini terhadap parti politik dan calon-calon yang bertanding di kawasan ini. Pengkaji juga ingin melihat penyertaan mereka dalam politik. Di sini pengkaji ingin tahu apakah sikap penduduk senang berubah apabila sebuah parti politik itu membawa isu agama dalam perjuangan mereka. Sebagai contohnya parti Pas yang membawa isu agama/ideologi Islam dalam perjuangan mereka. Apakah dengan asas ini penduduk akan menyokong parti tersebut berbanding dengan parti UMNO yang membawa ideologi yang tidak mempunyai kaitan dengan agama. Atau mereka merasa tidak puas hati terhadap kewibawaan wakil rakyat yang telah memenangi kerusi kawasan ini pada tahun 1978.

Selain dari itu pengkaji juga ingin mengetahui tentang faktor-faktor yang menjadi pertimbangan penduduk kawasan ini apabila mereka hendak memilih seorang wakil rakyat. Apakah mereka ini hendak memilih seorang yang mempunyai kelulusan yang baik, anak tempatan atau lain-lain kelayakan yang mereka pertimbangkan. Dalam meninjau tentang faktor-faktor yang menjadi pertimbangan penduduk kawasan ini dan

bukannya faktor-faktor yang menjadi pertimbangan parti-parti dalam membuat pemilihan calon wakil rakyat. Apakah ada kemungkinan wujudnya perhubungan di antara dasar-dasar yang mereka pertimbangkan dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh parti masing-masing. Ini adalah berhubung dengan sikap dan penyertaan politik mereka serta melihat keadaan politik semasa. Selain dari itu pengkaji ingin tahu apakah mereka benar-benar mempunyai sikap positif terhadap parti Pas ataupun mereka hanya tertarik kepada calon parti itu yang memegang jawatan penting dalam parti iaitu sebagai Timbalan Pesuruhjaya Pas Negeri, dan pernah menjadi ahli Parlimen Kuala Terengganu dan juga Timbalan Menteri suatu ketika dahulu.

Dalam memilih wakil rakyat ini, apakah sikap orang-orang Melayu di kawasan ini jika mereka diminta mengundi seorang calon dari ras yang lain seperti dari bangsa Cina atau India. Adakah mereka mempercayai atau tidak terhadap kejujuran bangsa asing tersebut dan apakah komen atau pendapat mereka terhadap bangsa Melayu sendiri.

Kajian ini dilakukan di kawasanundi DUN Wakaf Mempelam. Ia merupakan sebuah kawasan yang luas iaitu melebihi dari sepuluh buah kampung. Ada setengahnya mempunayi penduduk yang ramai dan ada pula kampung yang mempunyai penduduk yang agak kurang. Bilangan pengundi di kawasan ini pada tahun 1982 ialah seramai 9473 orang. Dengan bilangan pengundi yang begini ramai, susah tentulah pengkaji tidak akan dapat membuat kajian yang begitu menyeluruh.

Oleh sebab itulah pengkaji telah menumpukan kajiannya di tiga buah

kampung iaitu Kepong, Teluk Paku dan Gelugor Raja. Pemilihan kampung-kampung ini adalah disebabkan kampung ini mempunyai penduduk yang kebanyakannya terdiri daripada petani jika dibandingkan dengan kampung-kampung yang lain di kawasan ini.

Bidang kajian ini adalah meliputi di tiga buah kampung tersebut dan tumpuan diberikan kepada penduduk dan latarbelakang calon-calon yang bertanding.

Dari penduduk pengkaji akan cuba mendapatkan maklumat peribadi mereka seperti umur, tempat asal, jumlah tanggungan, pendidikan yang diterima dan penglibatan mereka dalam politik kampung mereka. Ekoran dari ini pengkaji cuba mendapatkan maklumat tentang bagaimana mereka hendak mencari orang yang layak menjadi wakil rakyat mereka. Apakah dasar-dasar atau kriteria yang perlu ada atau dipertimbangkan untuk seseorang itu menjadi wakil rakyat mereka.

Selain dari itu pengkaji juga bertanyakan tentang calon-calon yang bertanding di kawasan mereka. Apakah faktor-faktor yang telah menyebabkan calon dari parti Pas menang dan walon-calon dari parti UMNO dan PSRM tewas. Seterusnya pengkaji juga bertanyakan kepada responden mengapa mereka menjadi ahli parti politik tertentu dan mengapa mereka tidak menjadi ahli parti politik yang lain. Adakah mereka faham tentang dasar-dasar atau ideologi parti yang mereka anggotai itu dan juga ideologi parti-parti politik yang lain.

Akhir sekali pengkaji juga ingin mendapatkan pendapat mereka tentang

dasar parti yang manakah yang boleh memerintah negara dan membawa kemajuan. Tidak ketinggalan juga ditanyakan siapakah pemimpin politik yang mereka suka atau gemari.

## II) Literature Review.

Kajian yang sama telah dilakukan di Permatang Berangan, Tasek Gelugor, Seberang Prai oleh Abdul Rahim Ahmad. Oleh sebab itu pengkaji cuba mengapplikasikan kajian ini di kawasanundi Wakaf Mempelam pula.

Dalam bahagian ini ia adalah untuk melihat bagaimana penduduk sesebuah kampung di kawasan ini memilih wakil rakyat mereka. Ini adalah penting kerana wakil rakyat yang mereka pilih akan mewakili mereka dalam menyuarakan kehendak-kehendak mereka terhadap pihak atasan.

Dengan melihat kehendak-kehendak penduduk terhadap calon wakil rakyat mereka, ini akan menyenangkan sesebuah parti yang mahu meletakkan calon mereka di kawasan yang dipertandingkan. Mereka akan meletakkan calon yang sesuai dengan kehendak penduduk kawasan berkenaan.

Kajian ini juga mungkin boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pihak-pihak tertentu dalam menentukan keberkesanan kepimpinan seseorang wakil rakyat. Mana-mana yang sesuai dan memberi manfaat dan teladan kepada penduduk kawasan terlibat, maka sesungguhnya wakil rakyat itu akan dikekalkan supaya kepentingan rakyat tidak diabaikan. Jika terdapat kecacatan pada wakil rakyat berkenaan, ia perlulah difikir.....

semula.

Adalah penting bagi sesebuah parti politik yang mahu meletakkan calon mereka di dalam sesebuah kawasan pilihanraya memastikan calon berkenaan sudah dikenali terlebih dahulu oleh penduduk kawasan berkenaan agar kepentingan dan kemajuan masyarakat kampung didahului dari kepentingan diri sendiri.

### III) Metode Kajian.

Pemgumpulan data-data dan maklumat-maklumat kajian ini adalah melalui metode temuramah, soal selidik, pemerhatian dan penyelidikan perpus-takaan. Tidak ketinggalan juga pengkaji menggunakan metode 'sampeling'.

Dalam metode temuramah, pengkaji telah menemui ketua kampung, ketua cawangan parti politik kampung yang terlibat. Dari mereka, pengkaji telah mendapatkan komposisi penduduk kampung-kampung kajian dan juga beberapa maklumat lain termasuk keadaan politiknya. Selain dari itu pengkaji juga telah menemui Penghulu Mukim untuk mengetahui lebih lanjut lagi tentang keadaan kampung-kampung tersebut. Metode ini adalah merupakan 'key-informations' bagi pengkaji kerana ia boleh memberikan latarbelakang kawasan kajian dengan lebih jelas lagi iaitu dari segi bilangan rumah dan jumlah penduduk.

Dalam metode soal selidik pula, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik dan pergi berjumpa dengan respondan. Ini adalah .....

satu bentuk hubungan secara bersemuka (face to face). Respondan yang biasa ditemui adalah terdiri dari ketua-ketua keluarga. Pemilihan ketua keluarga dilakukan sebab ketua keluarga adalah orang yang bertanggungjawab terhadap semua keputusan yang dibuat dalam keluarga tersebut termasuk dalam bidang politik.

Dalam borang soal selidik ini tersedia dua bentuk soalan iaitu soalan secara terbuka (open ended) dan soalan tertutup (close ended).

Soalan terbuka ialah soalan yang berkaitan dengan umur, pekerjaan, tempat asal, bilangan tanggungan dan respondan bebas memberi pandandan atau jawapan mengikut kaca mata mereka. Manakala soalan yang berbentuk close ended pula ialah soalan yang jelas dan sudah tersedia jawapannya.

Di dalam membuat temuramah dan soal selidik, pengkaji juga membuat atau menggunakan metode pemerhatian untuk memerhatikan keadaan perhubungan yang berlaku di dalam masyarakat tersebut. Dari pemerhatian tersebut dapatlah dibuat beberapa kesimpulan mengenai perhubungan dari segi politik dan persaudaraan. Dari segi metode temuramah pula, kita akan dapat memerhatikan reaksi respondan melalui memek muka, kerutan dahi, kegelisahan dan kegembiraan mereka dalam menjawab soalan. Ini akan membawa makna yang lebih jelas lagi sama ada mereka bersikap positif atau sebaliknya.

Manakala metode sampeling hanya digunakan untuk mendapatkan respondan. Caranya ialah dari segi jumlah rumah yang didapati dari kawasan kajian, ia akan dipilih secara random. Ini adalah disebabkan pengkaji ....

hanya memerlukan beberapa orang respondan dalam sesebuah kampung.

Penyelidikan perpustakaan pula adalah untuk mendapatkan data-data dan keterangan-keterangan dengan lebih lengkap lagi. Ini dapat dilakukan melalui pembacaan buku-buku yang berkaitan, latihan-latihan ilmiah yang lalu, akhbar-akhbar, journal-journal dan lain-lain bahan yang mempunyai kaitan dengan tajuk latihan ilmiah ini.

#### IV) Masalah Kajian.

Dalam membuat kajian ini, pengkaji telah menghadapi banyak masalah. Masalah utama pengkaji ialah untuk mendapatkan respondan. Ini adalah disebabkan kehanyakan respondan terlibat dengan kerja mereka sebagai petani. Kebetulan pula semasa pengkaji membuat kajiannya ialah musim menuai. Oleh sebab itu kebanyakan dari respondan telah keluar pada awal pagi dan pulang pada lewat petang.

Apabila mereka pulang pada sebelah petang, mereka agak keletihan dan biasanya mereka akan tidur. Kedua-dua keadaan ini menyebabkan mereka sukar ditemui. Kalau hendak berjumpa dengan mereka, terpaksa lah pergi ke rumah mereka pada masa yang agak lewat petang.

Masalah yang kedua ialah respondan tidak dapat memahami kehendak soalan dengan sepenuhnya. Oleh itu setiap persoalan yang dikemukakan terpaksa diulang beberapa kali. Mereka juga terpaksa diberi keterangan tentang apa yang dikehendaki oleh setiap persoalan tersebut. Dengan..

sebab inilah setiap temuramah itu seringkali terputus. Ini biasanya terjadi kepada orang-orang yang telah berumur.

Ada juga respondan yang menjawab soalan yang ditanya tetapi tidak menepati kehendak soalan tersebut. Mereka melerek-lerek terhadap pengkaji yang laim. Setengahnya pula menyatakan perkara-perkara yang lain yang diluar jangkaan pengkaji. Oleh yang demikian pengkaji terpaksa menjawab dan menerangkan tentang perkara tersebut. Ini menyebabkan sesuatu temuramah itu memakan masa yang agak lama.

Memandangkan keadaan politik di negeri Terengganu berada di dalam keadaan yang agak tegang, ada di antara respondan tidak mahu memberikan kerjasama. Mereka memberi berbagai alasan. Mereka juga mempunyai sikap salah sangka terhadap pengkaji. Mereka menyangka pengkaji bekerja untuk sesebuah parti politik yang tertentu bagi memanoing undi mereka. Ini adalah disebabkan oleh keadaan semasa kajian ini dilakukan iaitu sudah hampir dengan pilihanraya.

Ada juga respondan yang tidak mahu memberi kerjasama tetapi sebaliknya memarahi pengkaji. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh masa kajian ini dilakukan hampir malam. Lain-lain sebab mungkin sudah ada orang yang menemuramah respondan tersebut untuk tujuan yang lain.

Selain dari itu ada juga respondan yang takut untuk memberi maklumat yang benar. Ini mungkin dia merasa bimbang dengan kedudukannya, walau pun telah diterangkan tentang tujuan sebenar kajian ini. Terdapat...

juga campur tangan dari pihak kedua bila pengkaji membuat pertanyaan terutama dari jiran-jiran, rakan-rakan dan juga anak-anak. Bila ada campur tangan seperti ini, ia akan mengganggu dan akan mempengaruhi jawapan respondan tersebut. Ini akan memberikan jawapan yang tidak tepat.

Tetapi masalah pengkaji yang paling rumit ialah mengenai pengangkutan. Ini adalah disebabkan pengkaji bergantung sepenuhnya kepada kenderaan bapanya. Jika beliau menggunakan kenderaan tersebut, bermakna pengkaji tidak akan dapat menjalankan kajian tersebut. Ekoran dari masalah ini ialah masalah kewangan iaitu sebagai belanja semasa membuat kajian tersebut.

Walaupun terpaksa menghadapi berbagai masalah, akhirnya pengkaji dapat menghabiskan kajiannya dalam masa tiga bulan iaitu semasa cuti panjang baru-baru ini.

#### V) Penguraian Konsep.

Tajuk latihan ilmiah ini ialah 'Dasar-dasar Pemilihan Wakil Rakyat Di Kalangan Masyarakat Kampung: Satu Kajian Kes Di Kawasan Dewan Undangan Negeri Wakaf Mempelam'. Di sini beberapa konsep telah digunakan dan memerlukan penjelasan yang lebih lanjut.

Yang dimaksudkan dengan 'wakil rakyat' di sini ialah seorang yang dipilih melalui pengundian untuk menduduki kerusi di dalam Dewan...

Undangan Negeri ataupun di dalam Dewan Rakyat seperti yang ada di Malaysia ini. Mereka biasanya dipilih dari ahli-ahli parti.

Biasanya kampung terletak di luar bandar. Namun ada juga kampung yang terletak di bandar-bandar besar. Sebagai contohnya Kampong Kerinci, Kampong Abdullah Hukum yang terletak di bandar Kuala Lumpur. Pirth dalam kajiannya di Kelantan telah mendefinisikan kampung sebagai:

"Kampung biasanya bukanlah sebuah unit pentadbiran atau keagamaan, akan tetapi sebuah unit sosial yang mempunyai perasaan setiakawan dan ketetanggaan".

(Syed Husin Ali, 1977:61).

Dengan 'pemilihan' pula bermaksud pemilihan yang dilakukan melalui pengundian di dalam pilihanraya. Ia biasanya telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Manakala 'dasar-dasar' pula ialah faktor-faktor atau kriteria-kriteria yang ada pada seseorang calon dan menjadi pertimbangan seseorang pengundi atau menjadi pertimbangan masyarakat untuk memilih seorang wakil rakyat mereka. Pada kebiasaannya, dasar-dasar ini dilihat dari beberapa aspek seperti kelulusan, kebolehan dalam agama, keturunan sifat-sifat peribadi dan lain-lain lagi.

Sementara 'masyarakat' atau komuniti adalah satu kumpulan manusia yang saling berinteraksi dan bekerjasama di dalam satu kawasan. Mengikut Mitchell, komuniti atau masyarakat ini telah didefinisi sebagai:-

"A collectivity of people who occupied a geographical area; people who were...

together engaged in economic and political activities and essentially constituted a self-governing social unit with some common values and experiencing feeling of belonging to one another".

(Mitchell, G.D.ed:32)

Mengikut Syed Husin Ali, masyarakat adalah terdiri daripada empat kumpulan sosial yang penting, masing-masing berdasarkan kepada faktor-faktor: (Syed Husin Ali,1979:67).

- a) Kekeluargaan;
- b) Kawasan kediaman;
- c) Asal keturunan dan
- d) kepentingan.

Kekeluargaan merupakan kumpulan yang terpenting dalam sebahagian masyarakat. Ada kalanya ia adalah berdasarkan kekeluargaan dalam masyarakat tertentu. Masyarakat yang sudah menetap pada kawasan-kawasan tertentu mungkin mempunyai hubungan dan mungkin juga tidak mempunyai hubungan.

Jika kumpulan masyarakat tersebut berdasarkan kepada kekeluargaan atau keturunan yang sama, maka ia adalah dinamakan kaum. Di dalam sesuatu masyarakat terdapat susun lapis masyarakat. Dengan adanya susun lapis ini, tentulah ia mempunyai kepentingan yang berbeza dari segi ekonomi, politik dan sosial. (Syed Husin Ali,1979:68).

#### VI) Teori-Teori.

Wakil rakyat adalah pemimpin bagi segolongan masyarakat. Sebagai...

pemimpin, beliau bertanggungjawab terhadap masyarakat yang dipimpinnya. Oleh itu terdapat beberapa teori yang berkaitan dengan kepimpinan ini. Antaranya ialah 'Great Man Theories', 'Personal-Situational Theories', 'Interaction-Expectation', 'Humanistic Theories' dan 'Exchange Theories'. (Stogdill, R.M., 1974:17 - 23).

a) Great Man Theories.

Dalam beberapa teori awal yang telah dikemukakan oleh Galton, teori ini adalah bertujuan untuk mempelajari tentang latarbelakang pemimpin yang terkenal. Ini bermaksud untuk menerangkan tentang asas kepimpinan. Sementara itu Wood (1913) pula mengatakan bahawa pemimpin adalah bertanggungjawab untuk membentuk negara dan masyarakatnya mengikut keupayaan yang ada padanya. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa pemimpin adalah seorang yang memegang kuasa dengan kualiti yang unik. Namun begitu jika seseorang pemimpin itu memegang kuasa yang lebih besar, di mana ia dapat membezakan dirinya dan pengikutnya, kualiti yang ada padanya akan lebih dikenali. Pendapat ini akan meningkatkan lagi teori tentang kepimpinan ini.

Sementara itu Bernard (1926), Bingham (1927), Tead (1929) dan Kilbourne (1935) menerangkan tentang pemimpin ini dari segi personaliti atau perwatakan. Dalam hal ini pemimpin itu adalah seorang yang mempunyai personaliti dan perwatakan yang baik. Beliau merupakan pemimpin kepada sesebuah masyarakat atau negara dan berupaya untuk menyelesaikan masalah sosial. Pemimpin yang sejati adalah satu model...

dalam masyarakatnya.

b) Personal-Situational Theories.

Dalam teori ini, Wastburgh (1931) telah menyarankan bahawa mempelajari tentang pemimpin mempunyai dua tahap iaitu:

- i) Kesan intelektual dan jenis pelakuan individu;
- ii) Keadaan tertentu yang mempengaruhinya di mana individu bertugas.

Sementara itu Case (1933) menggariskan tiga faktor penting tentang pemimpin iaitu:

- i) Personaliti pemimpin itu;
- ii) Keadaan kumpulan dan ahli-ahlinya;
- iii) Perubahan atau masalah yang melanda kumpulan itu.

Kaadaan ini akan memperlihatkan bentuk interaksi, status, persepsi dan tingkahlaku individu dalam hubungan antara dia dan masyarakat. Dengan itu pemimpin menganggap hubungan antara dia dan masyarakatnya adalah berdasarkan tabiat atau tingkahlaku. Pemimpin akan mewakili hubungan antara tujuan pemimpin dengan tujuan dan keperluan pengikutnya.

c) Interaction-Expectation Theories.

Menurut Homans (1950), pertumbuhan teori kepimpinan adalah berdasarkan tiga perkara iaitu pelakuan, interaksi dan sentimens. Ia berpendapat bahawa pertambahan di dalam interaksi secara berulang-ulang dan penyertaan di dalam aktiviti adalah bercampur dengan.....

peningkatan di dalam sentimens. Ia juga adalah saling bergantungan terhadap norma kumpulannya. Ketinggian pangkat seseorang dalam kumpulannya, penglibatannya dalam aktiviti masyarakatnya adalah menurut norma kumpulannya. Interaksi dengan ahli kumpulannya adalah satu kegiatan yang berfaedah.

Dalam teori yang dikemukakan oleh Bass (1960) pula, pemimpin adalah penting untuk mengawasi ahlinya. Ia adalah bertujuan untuk menukar motivasi mereka. Perubahan motivasi ini boleh berlaku di luar jangkaan pemimpin itu sendiri. Ini dapat dilihat apabila ahli-ahli kumpulannya menerima hadiah atau hukuman darinya. Pemimpin menawarkan kedudukannya bagi mendapatkan kuasa untuk menukar tingkah laku ahli kumpulannya.

d) Humanistic Theories.

Likart (1961, 1967) menyatakan bahawa kepimpinan adalah satu proses yang relatif. Dengan ini pemimpin mesti mengambil kira tentang nilai, kepercayaan dan skil dalaman seseorang di mana dia berinteraksi. Pemimpin mesti memperlihatkan tingkah laku dan proses penubuhan atau pembentukannya oleh pengikutnya. Mereka sebagai penyokong terhadap usaha yang dijalankan dan perasaan mereka patut juga dinilai. Dia akan melibatkan pengikutnya dalam membuat keputusan berkenaan berdasarkan kebijakan dan kerja yang telah disumbangkan oleh pengikutnya. Pemimpin juga membina kumpulannya berdasarkan motivasi untuk memberi kebebasan dalam pengeluaran, tanggungjawab dan membuat keputusan serta latihan.

Blake dan Morton (1964, 1965) pula menkonsepkan pemimpin sebagai 'managerial grid' yang berpihak kepada penduduk sebagai wakil mereka dalam hubungan pengeluaran. Pemimpin mungkin berada dalam tahap tertinggi di dalam kedua-dua perkhidmatan atau dia mungkin berada di dalam tahap rendah untuk kedua-dua keadaan. Ia juga boleh berada pada tahap tinggi pada sebelah pihak dan tengah di sebelah pihak lagi. Individu yang dibayar gaji tinggi adalah ditugaskan untuk melaksanakan kerja yang diberikan kepadanya. Nereka saling bergantungan di dalam organisasi dengan didahului dengan perhubungan percaya dan hormat.

#### e) Exchange Theories.

Teori ini adalah untuk menerangkan tentang bagaimana proses penerimaan di antara pemimpin dan pengikut. Ia digunakan untuk menunjukkan proses interaksi di antara individu di dalam sesuatu masyarakat. Di dalam hal ini, tingkat terpenting proses interaksi ini ialah pertukaran keuntungan atau sokongan di antara pemimpin dan pengikutnya. (Gary A. Yukl, 1981 : 28).

Proses ini adalah penting jika seseorang pemimpin itu adalah seorang yang efektif. Dengan ini dia akan membahagikan sesuatu itu dengan pengikutnya. Sebagai balasannya, pengikutnya akan memberikan status kepada pemimpinnya. Ini akan menaikkan prestig pemimpin itu..

dan secara tidak langsung ia juga akan mempengaruhi pengikutnya. Dengan adanya prestig ini, pemimpin itu akan mempunyai kuasa terhadap pengikutnya. (Hollander, Edwin.P, 1978:7).

Teori ini juga digunakan untuk menganalisis proses kepimpinan di dalam sesuatu masyarakat. Analisis ini terlalu kompleks sebab pemimpin dan pengikutnya selalu bertukar perhubungan bagi kepentingan bersama. Dengan ini ia akan memberi peluang kepada seseorang pengikut untuk berdamping dengan pemimpin mereka. Dalam hal ini seseorang pemimpin akan bersedia untuk menyatakan kuasanya jika dia diminta berbuat demikian. Ini biasanya dilakukan melalui sesuatu pilihanraya.

Manakala bagi Easton pula, beliau menyarankan bahawa teori ini adalah untuk memperkuatkan interaksi yang berlaku di antara pemimpin dan pengikut di dalam parti politik, kerajaan dan lain-lain institusi. Di dalam sistem politik pula, teori ini adalah untuk menerangkan kepada ahli-ahlinya supaya mereka tahu tentang perjalanan sistem politik di dalam masyarakatnya. (Effrat, Andrew. ed, 1972:150 - 152).

Umumnya teori ini adalah untuk melihat perkubungan di antara pengikut dan pemimpinnya serta tingkahlaku yang berlaku hasil dari perhubungan ini.

### Kesimpulan.

Dari teori-teori yang telah dibincangkan ini, dapatlah diapplikasikan kepada wakil rakyat sebagai pemimpin. Ini adalah meliputi kepada latarbelakang wakil rakyat iaitu dari segi pendidikan, personaliti dan juga perhubungan di antara anggota masyarakat di kawasannya. Dengan adanya perhubungan di antara wakil rakyat dan anggota masyarakat ini, ia secara langsung atau tidak langsung akan dapat menolong anggota masyarakatnya dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Ini adalah sebagai tindakbalas di atas kepercayaan anggota masyarakat ke atas pemilihannya sebagai pemimpin.

Dalam hal ini setiap kemajuan yang diberikan kepada masyarakat juga adalah sebagai balasan seorang pemimpin di atas pemilihannya itu. Di sini menunjukkan terdapatnya keuntungan di antara kedua-dua belah pihak. Pada pihak wakil rakyat sebagai seorang pemimpin, beliau telah mendapat kuasa. Manakala bagi pihak rakyat pula, mereka memperolehi seorang pemimpin sebagai tempat mengadu tentang masalah yang dihadapi oleh mereka.

Selain dari wakil rakyat sebagai pemimpin, ia juga bertanggungjawab terhadap anggota masyarakatnya. Beliau sebagai pemimpin akan memberi maklumat yang berguna demi kepentingan masyarakatnya.

## BAB DUA

### 2.0. LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN DAN MASYARAKAT.

#### 2.1. Latarbelakang kampung dari segi geografi.

Ketiga-tiga buah kampung yang menjadi tempat kajian pengkaji adalah perkampungan Melayu seratus peratus. Kebanyakan daripada penduduknya adalah terdiri dari petani.

Kepong merupakan sebuah kampung Melayu yang terdiri dari penduduk yang berpendapatan rendah. Namun begitu ada juga yang boleh dikategorikan dalam golongan menengah.

Kepong dihubungi oleh perhubungan jalanraya yang baik melalui tengah kampung ini yang menghubungkannya dengan jalan utama. Jarak kampung ini di antara jalan utama ialah lebih kurang 3 kilometer.

Jalan yang melalui kampung ini menghubungkan kampung-kampung yang jauh ke dalam seperti Serada, Pulau Manis, dan Tirok. Kampung ini terletak 8 kilometer dari bandar Kuala Terengganu.

Terdapat juga tiga batang jalan merah dan sebatang jalan yang bertar yang menghubungkan kampung ini dengan kampung lain seperti Kampong Padang Midin.

Jika seseorang itu datang dari bandar Kuala Terengganu, mereka akan melihat rumah mewah bila memasuki kawasan kampung ini dan juga klinik kerajaan. Terdapat juga sebuah jambatan kecil yang merentangi ....

.. sebuah anak sungai. Selepas itu akan kelihatan sebuah pasar, kawasan tangki air, pejabat pam air, sekolah dan rumah-rumah. Kesebahayanya ini terletak di sebelah kiri jalan. Sebelum itu bila kita melepassi pasar, kita akan melihat jalan tanah merah yang menuju ke dalam perkampungan. Sebelum jambatan juga ada jalan merah iaitu di sebelah kiri dan kanan. Jalan di sebelah kiri adalah jalan yang menghala ke masjid kampung tersebut.

Kawasan tanaman di kampung ini adalah di sebelah kiri jalan yang agak jauh dari jalan utama. Kebanyakan penduduk kawasan ini menanam sayur-sayuran dan tebu. Ini biasanya di tanam di kawasan yang agak tinggi. Kawasan yang agak rendah pula ditanam dengan padi. Tetapi tanaman yang utama di kawasan ini ialah duku yang ditanam di sekeliling kawasan kediaman. Boleh dikatakan kawasan ini adalah kawasan duku yang mashyur di Terengganu. Namun begitu di sebelah kanan jalan utama ke kampung ini terdapat pokok-pokok getah dan semak-semun.

Kampong Gelugor Raja dan Teluk Paku pula adalah berjiran. Jarak antara kedua kampung ini dengan Kepong adalah lebih kurang lima kilometer. Kedua-dua kampung ini terletak dua kilometer ke dalam dari jalan utama yang menghubungkan Kuala Terengganu dengan Kuala Berang. Kedudukannya adalah di sebelah kiri.

Untuk memasuki kedua buah kampung ini, terdapat dua hala iaitu jalan yang bertar dan jalan tanah merah. Melalui jalan tar kita akan melalui Kampong Tok Jamal dan sawah padi sebelum sampai ke Kampong Gelugor Raja dan Kampong Teluk Paku. Sebelum memasuki Kampong Gelugor Raja,

kita akan menemui sebuah jambatan kayu. Di kiri dan kanan jalan yang melalui di tengah Kampong Gelugor Raja ini terdapat rumah-rumah yang dibuat daripada papan. Boleh dikatakan penduduk kampung ini terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah dan ada juga yang boleh digolongkan ke dalam kelas menengah.

Selepas itu akan kelihatan pula sebuah masjid di sebelah kiri jalan ini. Bila melepassi kawasan ini, akan kelihatan kawasan sawah padi yang luas. Selepas itu akan ditemui sebuah balai raya yang merupakan sempadan Kampong Teluk Paku. Kampung ini kelihatan seperti sebuah pulau kalau dilihat dari jauh. Kebanyakan rumah yang terdapat di kampung ini terletak di pinggir jalan.

Melalui jalan tanah merah pula, untuk sampai ke kampung ini, terpaksa melalui kawasan sawah padi yang luas. Sebelum sampai ke Kampong Teluk Paku, kita akan menemui sebuah kampung iaitu Kampong Gelugor Haji Tahir. Jalan ini juga boleh menghubungkan Kampong Teluk Paku ini dengan Kampong Pengkalan Setar.

Tanaman yang terdapat di kedua-dua buah kampung ini ialah pokok-pokok kelapa. Kebanyakannya daripada penduduk kampung-kampung ini menggunakannya sebagai bahan keperluan harian. Di kampung-kampung ini tiada hasil tanaman yang boleh dijual kecuali kelapa. Ini hanyalah dilakukan bila kelapa itu berlebihan.

## 2.2 Komuniti.

Komuniti yang jelas kelihatan di ketiga-tiga buah kampung ini adalah terdiri daripada komuniti Melayu. Dari ketiga-tiga buah kampung ini, kita boleh bahagikan kepada dua jenis keturunan biasa dan keturunan atasan. Ini dilihat dari segi sejarah keturunan mereka.

Di Kepong, komuniti di sini adalah terdiri dari keturunan orangbiasa. Mereka tidak mempunyai pangkal nama yang boleh meninggikan darjat mereka di kalangan orang Melayu.

Berlainan pula di Kampong Teluk Paku dan Gelugor Raja. Kebanyakan penduduk di kedua-dua buah kampung ini mempunyai pangkal nama yang dipandang tinggi oleh masyarakat Melayu dahulu. Biasanya nama-nama penduduk di sini dimulai dengan "Engku" dan "Tuan". Namun begitu ada juga penduduk di kampung ini tidak mempunyai nama yang dimulai dengan panggilan tersebut.

Sudah menjadi kebiasaan kepada kampung-kampung Melayu semenjak dahulu lagi, kebanyakannya anggota-kmuniti mempunyai perhubungan sama ada dekat atau jauh dari segi kekeluargaan. Namun begitu tidak juga dihafikan terdapat penduduk di ketiga-tiga buah kampung ini datang dari kampung yang lain. Tetapi ada juga penduduk kampung-kampung ini berhijrah ke tempat lain selepas berkahwin.

Bagi mendekatkan lagi ikatan kekeluargaan yang semakin jauh, kebanyakannya anggota komuniti ini mengamalkan perkahwinan sesama sendiri atau perkahwinan silang-pupu. Dengan perkahwinan cara ini, mereka akan menetap di kampung yang sama. Ini adalah disebabkan mereka mengamalkan sistem

kekeluargaan yang disusur galurkan melalui sistem bilateral.

Walaupun komuniti Melayu di kampung-kampung ini mengalami proses perubahan kepada cara hidup yang lebih moden, namun masih ramai lagi yang terlibat dalam aktiviti pertanian.

Dari segi interaksi sosial di antara komuniti di dalam kampung masing-masing dan dengan kampung lain dilakukan dengan menghadiri kenduri, menziarahi kematian dan beberapa aktiviti yang lain. Dengan cara ini akan merapatkan lagi perhubungan antara penduduk kampung dan mengeratkan lagi tali persaudaraan yang sedia terjalin.

### 2.3 Kepimpinan.

Seperti kampung-kampung tradisi yang lain, Kepong dan Gelugor Raja masih mengamalkan sistem pentadbiran ketua kampung. Namun begitu ia juga dibantu oleh pihak yang lebih tinggi iaitu ketua cawangan parti iaitu UMNO dan juga penghulu mukim. Biasanya ketua kampung ini dilantik oleh pihak kerajaan dengan persetujuan orang kampung. Orang yang biasa dipilih untuk menjawat jawatan ketua kampung adalah dari keturunan yang sama iaitu ayahnaatau datuknya pernah memegang jawatan yang sama. Jika tidak ada yang layak, mereka memilih orang lain yang bukan darikeluarga ketua kampung sebelumnya.

Biasanya ketua kampung selalu membuat bincian di seluruh kampungnya untuk mengetahui masalah penduduk dan juga untuk melihat aspek ekonomi dan sosial penduduk. Bincian ini biasanya dilakukan dalam masa tiga ..

atau enam bulan sekali. Hasil bancian ini akan diserahkan kepada penghulu mukim. Penghulu mukim ini bertanggungjawab terhadap beberapa buah kampung di sekitarnya. Bagi Kampong Kepong, ia berada di bawah pentadbiran Penghulu Mukim Pengadang Baru manakala Kampong Gelugor Raja dan Kampong Teluk Paku pula berada di bawah pentadbiran Penghulu Mukim Gelugor.

Selain dari itu Kepong dan Gelugor Raja juga berada di bawah kekuasaan ketua cawangan parti politik iaitu dari parti UMNO. Ini adalah untuk memudahkan lagi bantuan kerajaan negeri yang disalurkan melalui wakil rakyat dengan sokongan ketua kampung dan penghulu mukim.

Berlainan pula dengan Kampong Teluk Paku. Di kampung ini tidak terdapat pimpinan ketua kampung. Ini adalah disebabkan ketua kampung dahulu telah meletakkan jawatan. Dengan ini pentadbiran kampung ini terletak sepenuhnya di bawah kekuasaan penghulu mukim. Namun begitu bagi tujuan-tujuan yang tertentu, ketua cawangan politik iaitu dari parti UMNO menjadi pentadbir sementara untuk kampung ini. Biasanya perkara yang menjadi tugas ketua cawangan ini ialah yang berkaitan dengan bantuan. Permintaan bantuan ini akan diajukan kepada penghulu mukim dan juga wakil rakyat. Tetapi semenjak kemenangan parti Pas bagi kawasan Dewan Undangan Wakaf Mempelam, tiada kemajuan dan bantuan yang diterima oleh penduduk kawasan ini khususnya di ketiga-tiga buah kampung ini dan juga kampung-kampung yang lain amnya.

## 2.4 Pendidikan Anggota Komuniti.

Bagi membincangkan tentang pendidikan atau pelajaran yang diterima oleh anggota komuniti, pengkaji akan membahagikan kepada tiga golongan. Golongan yang pertama ialah orang yang berumur melebihi 45 tahun, golongan yang kedua ialah orang yang berumur antara 30 - 45 tahun dan golongan yang ketiga ialah orang yang berumur di bawah 30 tahun. Penggolongan ini dibuat berdasarkan temubual yang dibuat oleh pengkaji dan dari pengalaman yang didapati secara tidak langsung hasil dari pemerhatian yang telah dibuat.

Di kalangan orang yang melebihi umur 45 tahun, mereka tidak mendapat pendidikan. Mereka kebanyakannya buta huruf. Dari kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati 38 orang respondan tidak mendapat pelajaran di sekolah. Tetapi walaupun mereka tidak menerima pelajaran di sekolah, mereka adalah berkebolehan di dalam bidang agama seperti membaca al-Quran.

Bagi golongan yang di peringkat umur antara 30 - 45 tahun pula, 9 daripada respondan yang ditemui mendapat pendidikan sekolah Melayu. Seorang daripada 9 orang respondan ini mendapat pelajaran di sekolah Inggeris setelah tamat pelajarannya di sekolah Melayu.

Sementara itu golongan yang berumur kurang dari 30 tahun, kebanyakannya mendapat pelajaran di sekolah menengah. Ada juga yang berjaya melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam, Maktab Perguruan, Institut Teknologi

Mara, dan juga ke universiti. Yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti di atas, hanyalah sebilangan kecil sahaja. Hanya seorang yang berjaya melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Islam, seorang berjaya ke I.T.M., dua orang ke universiti dalam negeri dan seorang ke universiti luar negeri. Respondan yang selebihnya hanya mendapat pelajaran di peringkat menengah sahaja.

Secara amnya golongan bawah 30 tahun di kawasan kajian ini mendapat pendidikan hingga ke Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima. Hanya sebilangan kecil sahaja yang berjaya melanjutkan ke Tingkatan Enam dan peringkat yang lebih tinggi.

Selain dari mendapat pendidikan 'formal', adajuga respondan yang mendapat pelajaran agama. Tempat yang paling popular bagi mendapat pelajaran seperti ini ialah di Paloh dan Pulau Manis iaitu dari guru agama yang terkenal iaitu Tok Ku Paloh dan Tok Ku Pulau Manis. Kebanyakannya yang mendapat pendidikan seperti ini ialah golongan tua dan sekarang bertugas sebagai guru agama, guru al-Quran dan juga sebagai imám.

Akhbar merupakan media pengetahuan penting bagi penduduk di kawasan ini. Golongan yang paling banyak membaca suratkhabar ialah golongan yang mendapat pendidikan secara formal. Bagi golongan yang mendapat pendidikan sekolah Melayu, mereka biasanya membaca akhbar Utusan Melayu tetapi ada juga yang membaca Berita Harian dan Utusan Malaysia. Di antara 60 orang respondan, hanya 6 orang iaitu 10 % sahaja yang...

yang melanggan suratkhabar. Mereka adalah yang terdiri dari guru, kerani, pekedai dan yang berkepentingan. Tetapi ramai sekali yang tahu membaca hanya membelinya sekali-sekala. Biasanya suratkhabar yang paling digemari ialah Utusan Malaysia, diikuti dengan Berita Harian, Watan dan lain-lain lagi.

Hanya golongan muda sahaja yang gemar kepada majalah. Tetapi majalah yang digemari adalah berbentuk majalah hiburan dan sukan. Jarang sekali yang membaca majalah yang berbentuk pengetahuan seperti Dewan Masyarakat, Dewan Siswa dan lain-lain lagi.

#### 2.5 Kegiatan Ekonomi Komuniti.

Kebanyakan kegiatan ekonomi adalah berkaitan dengan pendidikan yang diterima oleh respondan. Oleh sebab respondan yang ditemui tidak mempunyai pendidikan yang tinggi, maka kebanyakannya adalah menjadi petani yang sepenuh masa. Lebih separuh daripada respondan adalah terlibat dengan aktiviti ekonomi pertanian. Tetapi ada di antara mereka yang bekerja sendiri seperti menjadi kontrakter, peraih ikan dan peniaga. Hanya sebilangan kecil sahaja yang bekerja dengan sektor kerajaan.

Bagi golongan yang terlibat dalam pertanian, biasanya mereka menanam padi dan juga sayur-sayuran. Mereka masih mengamalkan ekonomi sara diri iaitu ekonomi secukup hidup.

Sungguhpun sebahagian besar daripada komuniti ini terlibat dalam ....

aktiviti pertanian tetapi sebahagian besar dari mereka hanya memiliki tanah bendang yang sedikit iaitu kurang dari 3 ekar. Namun begitu ada juga petani yang memiliki tanah yang kurang dari satu ekar. Di bawah ditunjukkan kegiatan ekonomi penduduk secara keseluruhan.

**diukur**

Jenis kegiatan ekonomi	Bil. respondan
Petani	37
Buruh	3
Guru	3
Kerani	3
Posmen	1
Buruh PMINT	1
Kontrakter	1
Pengayuh beca	1
Tukang kayu	2
Berniaga	5
Peraih ikan/nelayan	3
<b>JUMLAH</b>	<b>60</b>

Disebabkan pendapatan yang kurang hasil dari kerja tani, ada juga petani yang membuat kerja-kerja lain bagi menambahkan pendapatan mereka. Biasanya mereka menjadi buruh sambilan di dalam sektor pembinaan. Kerja ini dilakukan semasa menunggu padi masak dan selepas menuai padi.

Tetapi bagi penduduk di Kepong terutama petani yang mempunyai kebun duku akan mendapat hasil yang lumayan pada musim buah duku. Adakalanya mereka mendapat hasil sehingga \$10,000.00 semusim. Ini adalah disebabkan Kepong adalah salah satu kawasan duku yang terkenal di Terengganu.

Kumpulan yang kedua terbesar yang terlibat dengan aktiviti ekonomi ialah dalam sektor kerajaan. Ada yang menjadi guru, kerani, posmen dan buruh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. Yang menjadi guru ini mengajar di luar kampung mereka. Mereka sentiasa berulang-alik antara tempat kerja dengan tempat kediaman mereka. Biasanya mereka bertugas di kawasan yang agak jauh dari bandar seperti di Sekolah Kebangsaan Tasik. Sekolah ini terletak 13 kilometer dari pusat bandar. Lain-lain sekolah ialah Sekolah Kebangsaan Padang Midin, Sekolah Kebangsaan Bukit Payong dan Sekolah Kebangsaan Bukit Sawa. Bagi yang bekerja sebagai posmen, kerani dan buruh PMINT itu, mereka bekerja di kawasan bandar Kuala Terengganu. Mereka juga sentiasa berulang-alik dari kediaman mereka.

Namun begitu ada juga yang bekerja sebagai buruh sepenuh masa. Mereka biasanya bekerja sebagai buruh binaan. Semasa kajian ini dibuat, terdapat 3 orang bergiat dalam lapangan ini. Pekerjaan ini adalah bergantung kepada tempat kerja. Jika tempat kerja itu dekat, mereka akan berulang-alik antara rumah dengan tempat kerja itu. Jika jauh, mereka akan pulang seminggu sekali.

Hanya sebilangan kecil sahaja yang terlibat dalam bidang perniagaan. Biasanya mereka membuka kedai runcit yang menjual barang keperluan harian. Ada juga seorang respondan yang berniaga dengan menggunakan van untuk menjual barang makanan dan barang plastik di pasar-pasar malam. Bagi yang menjadi peraih ikan, mereka menjual ikan di pasar-pasar seperti pasar Gelugor Kedai, pasar Kepong dan juga cara menjaja. Mereka biasanya menggunakan motosikal untuk melakukan kerja ini.

Ada juga penduduk kawasan ini yang terlibat dengan kerja sebagai kontraktor iaitu seorang respondan dari Gelugor Raja. Di Kepong ada juga seorang penduduk yang kerjanya sebagai pengayuh beca di bandar Kuala Terengganu. Biasanya dia hanya pulang dua atau tiga hari sekali. Ada juga yang bekerja sebagai tukang kayu iaitu kerjanya membuat rumah sama ada di Kepong iaitu kampungnya sendiri atau kampung yang berdekatan.

Bagi kaum wanita pula, mereka biasanya menolong suami dalam pertanian atau hanya tinggal di rumah sebagai suri rumah. Namun begitu ada juga yang berniaga secara kecil-kecilan iaitu menjual sayur-sayuran di pasar Kepong dan Chabang Tiga. Tetapi pada musim menanam, menuai padi, mereka akan terlibat secara langsung dalam kegiatan ini. Kerja ini dilakukan bersama-sama dengan ahli keluarga yang seperti anak-anak mereka.

## 2.6 Kemudahan Sosial.

Kawasan kajian ini telah menerima beberapa kemudahan sosial seperti bekalan elektrik, kesihatan, keagamaan, perhubungan dan pelajaran.

Ia diterima setelah kawasan ini dimenangi oleh wakil kerajaan dalam pilihanraya 1978.

Dari segi bekalan elektrik, boleh dikatakan keseluruhan penduduk kampung kawasan ini menikmatinya. Sebelum 1978, ramai di antara penduduk di kawasan ini seperti Kampong Teluk Paku tidak dapat menikmati kemudahan ini.

Untuk memastikan kehidupan rakyat sentiasa sihat, kerajaan telah mendirikan sebuah klinik desa di Kepong. Dengan adanya klinik ini, penduduk kampung ini dan kampung-kampung yang berdekatan seperti Beladau, Serada, Pengadang Baru senang untuk mendapatkan rawatan dan ubat-ubat. Ini adalah disebabkan pusat kesihatan daerah dan negeri terletak jauh dari kampung ini. Pusat kesihatan daerah terletak di Bukit Payong, kira-kira 8 kilometer dari kampung ini manakala pusat kesihatan negeri terletak kira-kira 10 kilometer dari kampung ini.

Kerajaan juga tidak mengabaikan bidang pelajaran bagi penduduk di ketiga-tiga buah kampung ini. Di Kepong, terdapat sebuah sekolah rendah di mana bangunan sekolah ini telah diubahsuai kepada bangunan dua tingkat. Sebelum ini, sekolah ini hanyalah bangunan kayu yang terletak di atas tanah. Dengan adanya sekolah ini, ia dapat menampung lebih ramai pelajar dari Kepong sendiri, Beladau dan Pengadang Baru. Bagi penduduk di Kampong Teluk Paku, mereka mempunyai dua pilihan untuk menghantar anak mereka ke sekolah. Mereka boleh menghantar anak mereka ke sekolah rendah di Gelugor Kedai atau di Wakaf Mempelam.

Bagi penduduk Kampong Gelugor Raja, mereka biasanya menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah di Wakaf Mempelam.

Dalam bidang keagamaan pula, kerajaan telah memberi bantuan dari segi kewangan untuk membaiki masjid-masjid dan madrasah-madrasah. Selain dari itu, imam dan bilal diberi elaun dalam menjalankan khidmat mereka. Guru-guru al-Quran juga diberi sagu hati di atas kesudian mereka mengajar anak-anak penduduk kampung membaca al-Quran.

Bagi tujuan perhubungan pula, kerajaan telah membina jalan yang berturap tar ke Kampong Kepong. Jalan-jalan merah juga dibina untuk memberi kemudahan kepada penduduk kampung yang tinggal jauh ke dalam. Bagi Kampong Teluk Paku dan Gelugor Raja, jalan yang menuju ke kampung tersebut telah ditarkan walaupun ia hanya boleh digunakan untuk muat sebuah kereta.

Dari segi sukan pula, kerajaan telah bercadang untuk membina sebuah padang bola di kawasan Kampong Gelugor Raja tetapi cadangan itu telah terbantut apabila Pas memenangi kerusi kawasan Wakaf Mempelam. Pada masa wakil rakyat UMNO dahulu, beliau sering memberi bantuan jersi dan bola sepak untuk belia Kepong dan Gelugor Raja.

## 2.7 Kawasan Pilihanraya yang Baru.

Dalam tahun 1984, kerajaan telah membuat pemecahan kawasan untuk DUN dan Parlimen bagi menambahkan kerusi DUN dan Parlimen. Pemecahan ini

telah melibatkan sama kawasan kajian pengkaji kerana Kepong telah dipecahkan dan dimasukkan ke dalam satu kawasan DUN yang baru iaitu Serada. Sementara itu Teluk Paku dan Gelugor Raja masih kekal dalam DUN Wakaf Mempelam.

## BAB TIGA

### SIKAP DAN PENYERTAAN DALAM POLITIK

Dalam memperkatakan tentang sikap dan penyertaan dalam politik ini, sebenarnya orang Melayu mempunyai sikap dan tingkat penyertaan politik yang tinggi walaupun konsep politik bagi mereka lebih merupakan politik pilihanraya sahaja. Tetapi pada masa sekarang, konsep ini telah berubah kepada politik sepanjang masa atau sepanjang tahun. Ini boleh dilihat dari keadaan politik negara pada masa ini. Fenomena ini boleh ditujukan kepada pengikut-pengikut parti Pas. Mereka sentiasa sahaja bergerak cergas dengan menghadiri ceramah-ceramah politik yang sentiasa diadakan terutama sekali di negeri Terengganu.

Krech dan Crutchfield telah mendefinisi sikap sebagai: (Krech, D., Crutchfield, R.S, & Ballachey.E.L, 1962:177).

"An enduring system of positive or negative evolutions, emotional feeling, and pro or con-action tendencies with respect to a social object".

Terdapat dua kumpulan agen dalam mempengaruhi dan menanam sikap berpolitik di kalangan masyarakat Melayu hari ini iaitu agen 'primary' dan 'secondary'. Antaranya ialah keluarga, 'peer-group', media massa, pendidikan, agama, politik, alam sekeliling serta faktor sosial..

yang lain. Ini penting dalam mensosialisasikan politik di kalangan masyarakat. Keadaan ini dijelaskan lagi oleh Dawson dan Prewitt dengan maksudnya: (Dawson and Prewitt, 1969:17)

"Sosialisasi politik ialah proses pembangunan mental di mana setiap warganegara menjadi matang dalam politik. Warganegara mempunyai kepercayaan, perasaan dan maklumat di mana ia boleh menolongnya dalam pengertian, menilai dan menceritakan tentang politik di sekelilingnya. Pandangan politiknya adalah lebih umum dari pandangan sosialnya. Kita akan lihat kemudian, apakah perasaan setiap warganegara terhadap kehidupan politik, adakah ia berlainan dengan pandangan agama, ekonomi dan budayanya".

Dalam usaha untuk mencorakkan sikap dan penyataan politik di kawasan kajian ini, sosialisasi politik memainkan peranan penting. Melalui proses ini, seseorang individu atau kumpulan akan melalui beberapa peringkat tertentu iaitu dari peringkat mengetahui, menilai dan akhir sekali ialah peringkat menerima atau menolak nilai-nilai dari kehidupan politik.

a) Faktor Sosial.

i) Keluarga.

Keluarga adalah merupakan peringkat yang pertama dalam proses pembelajaran seseorang individu. Dengan ini boleh dikatakan bahawa keluarga merupakan kumpulan pertama yang mula-mula sekali menyemai pel-

bagai sikap dan nilai baik sama ada dari segi sosial, ekonomi, mahu-pun dari segi politik. (Husain Mohamed, 1977:100).

Merujuk kepada kawasan kajian ini, sosialisasi politik hanyalah ber-laku di kalangan suami isteri dan anak-anak sahaja. Ekoran dari pe-ngaruh ibu bapa, ia akan mempengaruhi sikap anak-anak terhadap ke-hidupan dengan dunia luarnya.

Disebabkan kawasan DUN Wakaf Mempelam ini adalah kawasan perkampungan Melayu khususnya di ketiga-tiga buah kampung yang menjadi tempat kaji-an. Ini menyebabkan penduduknya adalah beragama Islam dan perhubungan yang ada lebih bersifat kemelayuan.

Keluarga adalah satu tempat yang menjadi asas orientasi politik yang kuat. Ini adalah disebabkan keluarga adalah kunci kepada pemindahan budaya politik dari satu generasi ke generasi yang lain. Secara am-nya keluarga adalah agen yang penting bagi menyemai dan mengarahkan pembelajaran tentang politik.

Keluarga memainkan peranan penting dalam hubungan antara keluarga de-nungan agen lain dalam pelajari politik. Ini berlaku dari dalam keluar-<sup>an</sup>ga itu sendiri yang menjadi tapak sosialisasi politik. Keluarga boleh dikatakan sebagai pintu masuk kepada pembelajaran tentang politik serta hubungannya dengan politik secara teratur.

Hubungan ini dapat dilihat antara suami dan isteri, ibu dan bapa serta anak-anak dan lain-lain lagi.

Dari segi hubungan antara suami dan isteri, terdapat dua bentuk hubungan. Hubungan yang pertama ialah di kalangan suami isteri yang belum mempunyai anak. Dalam hubungan ini, mereka menggunakan istilah yang tertentu untuk mengeratkan hubungan. Sesuatu keputusan yang dibuat adalah dari persetujuan kedua belah pihak.

Hubungan yang kedua ialah hubungan suami isteri yang sudah mempunyai anak. Istilah yang digunakan untuk tujuan perhubungan biasanya dimulai dengan 'ayah' atau 'emak' dan diikuti dengan nama anak mereka. Contohnya jika anak mereka bernama Ahmad, maka panggilan yang mereka gunakan adalah seperti 'ayah Ahmad' atau 'emak Ahmad' atau 'ayah dia'. Di sini keputusan yang dibuat adalah lebih kepada pihak suami. Ini hanyalah bagi perkara-perkara yang tertentu sajaja. Bagi perkara yang bersangkutan dengan rumah tangga, si isteri biasanya lebih berkuasa.

Dalam kedua-dua hubungan suami isteri ini, biasanya pegangan politik si isteri adalah ditentukan oleh si suami. Sebagai contoh, jika suami itu adalah penyokong parti kerajaan, maka isterinya juga adalah penyokong parti kerajaan.

Sementara hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak, peranan keluarga amat kuat. Dalam kehidupan harian anak-anak bersama keluarga, anak-anak biasanya menerima latihan dan nasihat daripada ibu dan bapa. Selain dari itu mereka juga menerima nasihat dari ahli keluarga yang lain iaitu dari mereka yang lebih tua darinya. Di dalam membuat keputusan, kebanyakannya anak-anak tidak boleh membuat keputusan sendiri..

tetapi ia adalah diputuskan oleh ibu bapa mereka. Begitu juga dalam sesuatu perbincangan tentang sesuatu perkara. Jadi jika keluarga tersebut tidak pernah berbincang tentang politik, maka anak-anak mereka akan kurang berminat terhadap politik. Ini telah dibuktikan oleh Kenneth Lengton yang membuat kajian tentang sosialisasi politik di Jamaica. Dalam kajiannya, dia telah menemui bahawa jika seseorang bapa itu tidak berminat terhadap politik, maka ini akan diikuti pula oleh anak-anaknya. (Dawson, R.A, & Prewitt,K,1969:121)

Boleh dikatakan juga di kawasan kajian ini, penglibatan politik anak-anak juga ditentukan oleh keluarga mereka terutama bapa sama ada dalam parti kerajaan atau parti pembangkang. Namun begitu ada juga anak-anak yang mempunyai pegangan politik yang berbeza dengan keluarga mereka tetapi ini hanya berlaku bila mereka sudah berpisah dengan keluarga mereka. Di sini nampak dengan jelas bahawa sikap berpolitik semasa berada dengan keluarga tidak timbul dengan sendirinya. Ia terjadi akibat dari ketaatan kepada ibu bapa.

Konsep ketaatan kepada ibu bapa adalah salah satu daripada ajaran agama Islam yang menjadi pegangan penduduk kawasan ini. Jika seseorang anak yang tidak taat kepada ibu bapanya, ia akan dipanggil anak derhaka dan akan dikenakan sanction oleh agama dan masyarakatnya.

#### ii) Pendidikan

Pendidikan memainkan peranan penting dalam menyemai sikap berpolitik..

dan penyertaan politik dalam masyarakat. Pendidikan yang tinggi akan menjadikan seseorang itu sedar tentang peristiwa semasa sama ada dalam soal politik atau ekonomi. Dengan adanya pendidikan yang tinggi, mereka biasanya lebih senang menceburkan diri dan bercakap tentang politik daripada yang tidak mempunyai pendidikan. Mereka juga akan dapat berfikir dengan lebih rasional mengenai pergolakan politik.

Merujuk kepada kawasan kajian pengkaji, lebih ramai respondan yang di temui tidak mempunyai pendidikan langsung. Bilangannya adalah lebih kurang 41 orang yang terdiri dari golongan tua yang melebihi 45 tahun. Walaupun mereka ini tidak mempunyai pendidikan untuk disosialisasikan, namun mereka juga menerimanya melalui cara atau agen yang lain.

Walaupun ramai golongan ini tidak menerima pendidikan bagi tujuan sosialisasi, ada juga beberapa orang respondan yang menerimanya. Mereka adalah respondan yang mendapat pendidikan di sekolah Melayu. Mereka ini biasanya bekerja sebagai guru dan kerani. Sebelum merdeka dahulu, sekolah Melayu juga memainkan peranan penting dalam memperjuangkan politik tanahair selain dari Maktab Perguruan Sultan Idris. Ini diperolehi dengan cara penyampaian yang dilakukan oleh guru-guru dari mactab-maktab tersebut. Selain dari itu, mereka juga mendapatnya melalui ketua-ketua politik di kawasan mereka.

Sementara itu golongan muda pula menerima sosialisasi politik melalui dua cara iaitu melalui pembelajaran di sekolah dan di luar sekolah. Di sekolah, terdapat tiga cara bagi golongan ini menerima sosialisasi..

politik iaitu melalui kurikulum, 'classroom ritual life' dan melalui guru-guru. (Dawson, R.A., & Prewitt, K., 1969:125).

Kurikulum adalah satu alat yang mempunyai potensi untuk tujuan sosialisasi politik. Ia dapat dilakukan melalui pembelanjaan tentang sejarah perjuangan seperti yang dilakukan oleh Mat Kilau, Datuk Bahaman, Dato' Onn, Tunku Abd. Rahman dan lain-lain lagi. Dengan ini ia akan menyemai sikap dan nilai-nilai yang baik bagi memandunya untuk menjadi rakyat yang berguna.

Selain dari itu, ada dua jenis pelajaran lain yang dapat menanam sikap berpolitik iaitu pelajaran sivik dan doktrin politik. Kedua-dua jenis pelajaran ini akan mengajar seseorang itu memahami tentang politik dalam negara ini.

Dalam upacara 'classroom ritual life' pula, ia meliputi aspek-aspek seperti menaikkan bendera, menyanyi lagu kebangsaan. Dengan adanya upacara seperti ini akan menyemai rasa hormat dan cinta dalam diri seseorang itu.

Agen ketiga bagi sosialisasi politik ialah melalui guru di sekolah. Ini adalah disebabkan guru mempunyai hubungan yang secara langsung dengan golongan masyarakat setempat. Bagi golongan ini, guru adalah sebagai jurucakap atau wakil dalam masyarakat. Terdapat dua tugas utama guru yang boleh dikaitkan dengan sosialisasi politik.

- i) Guru sebagai penyebar nilai politik.
- ii) Guru sebagai pengasas dan penggerak tentang pembelajaran budaya dalam kelas.

Guru sebagai penyebar nilai politik ini boleh dilihat di kalangan sekolah swasta. Di Terengganu, Institut Berakan merupakan sebuah sekolah yang dikuasai oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada orang-orang dari parti Pas yang diketuai oleh Uztaz Harun Taib. Di sini pelajar-pelajar yang belajar di sini disemai dengan nilai politik Pas yang banyak berlandaskan ajaran agama Islam.

Guru juga adalah pengasas pembangunan politik di kalangan murid-murid dengan cara mengajarnya beberapa jenis budaya atau sistem sosial. Ini adalah disebabkan guru mengetahui tentang perkara-perkara yang berkenaan dengan hal ehwal semasa, politik, undang-undang dan lain-lain perkara lagi.

Di luar sekolah, golongan muda ini mendapat pengetahuan tentang politik ini adalah melalui persatuan-persatuan belia, kawan-kawan, ibubapa dan lain-lain lagi. Melalui persatuan-persatuan belia, ia biasanya akan menjemput wakil rakyat atau orang-orang yang mempunyai hubungan politik untuk merasmikan sesuatu majlis. Di majlis-majlis seperti ini, selain dari hal ehwal belia, tentulah wakil rakyat atau orang-orang yang berkenaan tidak lupa untuk mengaitkan soal politik secara tidak langsung. Dari sini golongan belia yang mendengarnya tentulah mendapat sosialisasi politik secara tidak langsung.

Namun begitu, bagi semua golongan ini mereka juga telah menerima pendidikan yang tidak formal. Kesan pendidikan yang tidak formal ini juga mempunyai kesan yang begitu kuat. Ini didapati dari ceramah-ceramah yang bersangkutan dengan politik. Biasanya ini boleh dirujuk

kepada pengikut-pengikut Pas dimana terdapat ceramah-ceramah yang dilakukan hampir setiap malam dan juga ceramah mingguan di Rusila pada setiap pagi Jumaat. Walaupun ceramah ini adalah ceramah agama tetapi ia juga diselitkan dengan politik secara tidak langsung.

iii) Media massa.

Dalam kehidupan hari ini, media massa menjadi alat penting dalam mensosialisasikan politik. Ia menjadi penting kerana ia boleh menerangkan nilai-nilai kesedaran dan budaya politik kepada individu dan juga masyarakat. Dalam zaman moden ini, penggunaan alat-alat media massa telah berkembang hingga jauh ke kampung pedalaman. Dengan adanya media massa ini, ia akan mendedahkan masyarakat desa kepada masalah yang berhubung dengan politik, ekonomi dan sosial secara langsung. Ini dapat dilakukan melalui pembacaan akhbar, mendengar radio dan menonton televisyen.

Walaupun ia merupakan agen sosialisasi yang penting, namun ia dikawal oleh pihak tertentu iaitu kerajaan. Apabila pihak kerajaan membuat sesuatu kenyataan tentang politik kepada golongan umum atau ahli-ahlinya, ia akan diambil oleh media massa. Pihak media massa ini pula akan menyebarkan kenyataan tersebut kepada pihak umum. Dengan ini seluruh rakyat akan dapat mengetahuinya.

"Government officials; and political leaders make statements; secondary group transmit political information to their members; events in the political world are picked up and .....

...communicated to large populations. The media serve mainly as the instruments through there socialization agencies communicate their messages. The directors of mass media may, in fact, have only a limited say in what sort of political data they transmit to the population".

(Dawson, R.A., & Prewitt.K., 1969:197).

Jadi alat media massa ini boleh dikatakan sebagai satu alat perhubungan sosial yang boleh memberi interaksi atau reaksi tertentu kepada individu dan juga masyarakat. Ia juga boleh memperkuatkan lagi segala usaha pembelajaran politik yang telah diterima dari agen sosialisasi yang lain.

Bagi kawasan kajian ini, respondan pengkaji kebanyakan mempunyai alat media massa seperti radio, dan televisyen. Namun begitu, apakah semua respondan ini berminat dalam soal politik dan mendapat pengajaran dari berita yang disampaikan. Perkara ini masih menjadi persoalan. Ini adalah disebabkan jenis rancangan radio dan televisyen yang disukai adalah berbentuk rancangan hiburan. (Husein Mohamad, 1977:103). Contohnya radio. Seramai 45 orang respondan memiliki radio jenis kaset. Dengan ini mereka biasanya membeli pita-pita yang berbentuk hiburan atau yang berkaitan dengan agama. Pada pengikut parti Pas pula, mereka bolehlah dikatakan mendapat sosialisasi politik melalui pita kerana terdapat banyak pita yang boleh dibeli di Rusila atau dirakam secara langsung di tempat ceramah.

Manakala rancangan-rancangan radio pula, kebanyakan dari respondan...

hanya mengikuti rancangan yang berbentuk hiburan dan drama. Jarang sekali di antara mereka yang mendengar radio untuk mengetahui tentang perkembangan sesuatu perkara kecuali jika ada satu-satu perkara yang menggemparkan sahaja. Contohnya Peristiwa Memali baru-baru ini. Biasanya golongan yang mengambil tahu tentang perkembangan politik ialah mereka yang terdiri dari pemimpin parti dan mereka yang berpendidikan sahaja.

Sementara itu melalui televisyen pula, tidak jauh bezanya dengan radio. Mereka biasanya menonton rancangan-rancangan yang berbentuk hiburan sahaja. Siaran berita jarang diikuti kecuali yang mempunyai kepentingan sahaja. Lagipun tidak semua respondan yang ditemui mempunyai televisyen. Kalaupun mereka menonton televisyen, hanyalah pada malam tertentu sahaja seperti malam Jumaat. Jika dibandingkan dengan radio, mereka lebih banyak mendengar radio dari menonton televisyen kerana kesan dari mendengar adalah lebih baik.

Akhbar pula amat jarang dibaca. Kalau dibaca pun hanyalah yang terdiri dari pekerja kerajaan dan yang berpendidikan sajaja. Bagi yang lain-lain, mereka hanya membaca sekali-kala sahaja. Itu pun secara kebetulan tetapi ramai respondan yang tidak membaca suratkhabar kerana tidak mempunyai pendidikan. Bagi yang betul-betul ingin tahu tentang sesuatu perkara, mereka minta pertolongan anak-anak untuk membacakan akhbar itu. Ini hanyalah berlaku bila ada sesuatu isu yang hangat sahaja.

Majalah yang berkaitan dengan pengetahuan semasa seperti Dewan Siswa,

Dewan Masyarakat, Kurier dan lain-lain lagi, amat jarang atau tidak dibaca langsung. Kebanyakan majalah yang mereka baca adalah yang berkaitan dengan hiburan, fesyen, filem dan komik-komik. Biasanya ini dibaca oleh golongan muda yang sudah mendapat pendidikan. Kalau dibaca pun majalah berbentuk pengetahuan apabila disuruh oleh guru atau seseorang bagi sesuatu tujuan.

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa sosialisasi politik melalui media massa amatlah berkurangan kecuali kepada orang yang mempunyai kepentingan politik. Ini mungkin disebabkan mereka tidak mendapat pendidikan walaupun untuk mendapatkan media massa bagi kawasan ini tidak begitu susah.

Oleh sebab sikap orang Melayu yang suka mengamati masa lepas mereka di kedai kopitiam menyamankan hasil sosialisasi politik orang Melayu. **b) 'Peer-Group'.** 'Peer group' ini, selain lagi dengan orang yang boleh memberikan maklumat tentang politik, ia pokok iktian dalam politik. 'Peer-group' juga memainkan peranan dalam mensosialisasikan politik. Ia bertugas sebagai penyebar, menyemai dan memindahkan orientasi politik di kalangan individu dan masyarakat. Biasanya ia terdiri daripada anggota-anggota yang mempunyai hubungan yang rapat dan status yang sama seperti sahabat handai, jiran tetangga, kawan sepejabat, kawan-kawan dalam kegiatan sosial dan saudara-mara. Sosialisasi melalui agen ini sangat mempengaruhi sikap, nilai, pandangan serta penyertaan dalam politik.

Kebanyakan daripada penduduk kawasan ini adalah terdiri daripada orang Melayu dan kurang mendapat pendidikan. Ini merujuk kepada golongan

'peer group' adalah penting dalam sosialisasi politik individu dan

tua. Oleh sebab itu mereka biasanya amat terpengaruh dengan apapun yang dikatakan oleh orang-orang yang berpengaruh di kawasan mereka. Ini biasanya terdiri daripada pemimpin politik, ketua kampung dan guru-guru yang mereka hormati.

Disebabkan oleh pegangan agama yang kuat, seseorang individu itu amat senang dipengaruhi oleh 'peer group' tadi jika ideologi politik itu dibawa bersama dengan agama. Dalam hal ini, mereka akan sentiasa mengikuti apa sahaja ceramah walau dimana ia diadakan. Syaratnya pihak yang berkepentingan sanggup menyediakan pengangkutan bagi mereka.

Oleh sebab sikap orang Melayu yang suka menghabiskan masa lapang mereka di kedai kopitiam, ini menyenangkan lagi sosialisasi politik oleh 'peer group' ini. Tambahan lagi dengan adanya orang yang boleh memberikan maklumat tentang politik sama ada pekedai itu sendiri atau orang lain lagi. Dalam hal ini ia akan memudahkan lagi seseorang itu terpengaruh dengan percakapan tersebut.

Mengenai 'peer group' melalui kumpulan sosial, ia agak sukar untuk melakukan sosialisasi politik. Ini adalah disebabkan kebanyakan respondan yang ditemui tidak menganggotai mana-mana persatuan sosial. Ini menyebabkan mereka kurang bergaul dengan masyarakat setempat. Dengan ini mereka kurang mengetahui apakah aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan dan yang akan dijalankan. Biasanya persatuan sosial seperti ini ialah Persatuan Belia dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG).

'Peer group' adalah penting dalam sosialisasi politik individu dewasa

kerana melaluiinya ia dapat menukar pandangan tradisional individu kepada orientasi politik yang baru dalam masyarakat. Namun begitu tidak dapat dinafikan juga bahawa 'peer group' boleh membawa kesan yang negatif yang dapat menghalang orientasi politik dalam masyarakat. Ini adalah disebabkan 'peer group' tidak mementingkan nilai politik, maka ia akan mengurangkan orientasi politik yang baru serta mengekalkan yang lama.

Di sini jelaslah bahawa 'peer group' boleh mendorong sikap dan negatif di kalangan individu dan masyarakat terhadap politik. Ia adalah satu agen sosialisasi yang penting jika peranan sosialisasi ini kurang atau gagal dimainkan oleh agen keluarga.

### c) Agama dan Politik.

Bagi masyarakat desa, agama adalah satu isu yang sensitif. Ia menjadi satu kepentingan dalam hidup mereka. Ini adalah disebabkan penduduk kawasan ini adalah beragama Islam sepenuhnya. Ajaran agama adalah penting dalam mempengaruhi tingkah laku serta sikap dan penyertaan individu dalam apa-apa bidang termasuk politik. Agama boleh membuat seseorang itu bersikap fanatik dan ekstrim atau mempunyai fikiran yang terbuka (open minded). Urusan agama juga menyebabkan mereka memperhatikan identiti masyarakat Melayu kampung yang mementingkan perpaduan, tolong menolong, hormat menghormati dan menjauhkan segala perbuatan yang dilarang oleh agama dan sosial .

Agama juga menentukan sikap mereka terhadap pemimpin sama ada mahu...  
Semoga dalam konteks politik menyatakan demikian ini adalah makalah

menghormatinya atau menentangnya. Ini seterusnya akan membawa kepada orientasi politik bagi individu dan masyarakat berkenaan.

Upacara agama juga boleh mempengaruhi sikap politik individu dan juga masyarakat. Sebagai contohnya majlis berbuka puasa, sambutan Maulud Nabi, majlis Nisfu Syaaban, kenduri arwah dan lain-lain majlis lagi. Biasanya ia akan dihadiri oleh pengikut sesbuah parti politik sahaja. Contohnya jika upacara itu dilakukan oleh orang-orang dari parti kerajaan iaitu UMNO, maka orang yang menghadirinya adalah pengokong parti berkenaan sahaja. Sementara itu penyokong parti Pas tidak akan menghadirinya walaupun mereka mempunyai tali persaudaraan.

Di dalam upacara seperti ini juga, ada yang menyelitkannya dengan unsur-unsur politik secara tidak langsung. Caranya ialah dengan mengadakan ceramah sebelum bermulanya upacara yang sebenarnya. Di dalam ceramah itu biasanya mereka akan saling tuduh menuduh dan kata mengata antara satu sama lain. Mereka mengakui pihak mereka yang betul dan pihak yang satu lagi adalah salah. Ini biasanya berlaku di kalangan parti UMNO dan Pas.

Syarahan atau ceramah ini biasanya disampaikan oleh orang yang mempunyai pengetahuan agama yang luas dan diberi gelaran uztaz atau ulamak bagi parti mereka. Dengan adanya majlis seperti ini, secara tidak langsung orang ramai yang datang ke majlis tersebut akan terlibat dalam proses pembentukan sikap politik mereka.

Politik pada masa sekarang telah banyak mempengaruhi sikap dan pernyataan mereka dalam konteks politik masyarakat desa. Ini adalah disebab-

kan oleh perkembangan yang berlaku pada hari ini dan perjuangan parti-parti politik pada masa sekarang. Pengaruh yang kuat terhadap masyarakat desa ialah ideologi parti yang berkenaan. Dengan berpandukan ideologi berkenaan, maka akan timbulah sikap menyokong atau menentang terhadap parti-parti tersebut.

Bagi penyokong-penyokong parti UMNO, mereka sentiasa terdedah kepada dasar perjuangan dan ideologi parti berkenaan. Ini kerana ia dialur-melalui media massa yang boleh dikatakan dikuasai oleh pihak kerajaan. Dengan ini ramailah di antara mereka yang menginsafi perjuangan UMNO yang sentiasa berjuang untuk memberi keadilan dan perpaduan di kalangan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

Boleh dikatakan dua dari tiga buah kampung yang menjadi tempat kajian adalah kebanyakannya terdiri daripada penyokong UMNO. Namun begitu ada juga yang menjadi penyokong parti Pas. Bagi penyokong UMNO, mereka bukanlah penyokong yang betul-betul memahami dasar dan ideologi parti tersebut tetapi mereka hanyalah sebagai pendokong parti sahaja. Mereka memilih parti UMNO kerana parti ini boleh memberi kemudahan dan kemajuan kepada diri mereka dan kampung mereka. Lagipun UMNO adalah parti yang telah lama memerintah negara ini dan yang berjuang untuk orang Melayu. Parti ini memberi segala kemudahan dari segi ekonomi, sosial dan politik. Dengan ini ia akan dapat membentuk sikap berpolitik seseorang itu.

Parti Pas pula adalah sebuah parti yang memperjuangkan ideologi Islam dalam perjuangannya. Mereka tidak menerima golongan lain dalam.....

...perjuangan mereka. Mereka cuba memperkenalkan dirinya sebagai sebuah parti yang mempunyai ideologi politik yang berlandaskan agama Islam. Para pemimpinnya pula adalah golongan yang mempunyai pendidikan yang baik dalam bidang agama Islam. Ini adalah disebabkan agama Islam merupakan salah satu identiti orang Melayu dan perlu diperbahankan.

Selain dari itu, menurut pemimpin mereka, kerajaan hari ini sudah jauh terpesong dari ajaran agama Islam. Oleh itu perjuangan mereka adalah untuk mengembalikan agama Islam dalam masyarakat Melayu dan lebih penting ialah untuk menubulgkan sebuah negara yang berlandaskan undang-undang Islam. Dengan sebab inilah perjuangan parti ini telah mendapat perhatian penduduk Melayu di kampung-kampung malahan pengikut Islam seluruhnya.

"Pas memperjuangkan Islam yang mendukung cita-cita keislaman yang menjadi sebahagian daripada hidup orang-orang Melayu atau cuba mempertahankan kedudukan orang-orang Melayu sebagai suatu cara untuk mempertahankan kesucian agama Islam".

(Mohamed Abu Bakar, 1984:144).

Berdasarkan wita-cita di atas, parti Pas telah mengadakan ceramah-ceramah mereka di merata-rata tempat. Tujuannya ialah untuk menarik orangramai supaya menyertai perjuangan mereka. Bagi pengikut Pas, orang yang tidak menyokong perjuangan mereka adalah 'kafir'. Tuduhan ini mereka kenakan ke atas saudara seagama mereka di kalangan pengikut parti UMNO.

Penyertaan boleh dikatakan sebagai satu bentuk fenomena sosial yang timbul hasil dari kesedaran kumpulan individu atau masyarakat. Lebih jelas lagi, ia adalah satu konsep bagi menggambarkan aktiviti-aktiviti yang disertai oleh rakyat sama ada dalam politik pada peringkat kampong, daerah, negeri atau kebangsaan. Di sini pengkaji menurunkan beberapa definisi yang boleh memberi gambaran yang lebih jejas tentang perkara ini.

Rush dan Althoff mengatakan:

"Political participation is the involvement of the individual at various levels in the political system. It is also important to stress that participation, including the highest level that of holding various types of office which involves the process of political recruitment".

( Micheal Rush and Phillip Althoff, 1971: 14).

Manakala bagi S.P. Huntington pula;

"By political participation we mean acting by private citizens designed to influence government decision-making. Participation may be individual or collective, organised or spontaneous, sustained or sporadic, peaceful or violent, legal or illegal, effective or ineffective".

( S.P. Huntington, John Nelson, 1976:3).

Dari segi penyertaan politik di kawasan kajian pengkaji, ia boleh dibahagikan kepada;

- i) Paling aktif;
- ii) Aktif;
- iii) Pasif.

Sementara itu penyertaan mereka dalam parti adalah seperti di bawah:

PARTI	BILANGAN
UMNO	26
PAS	20
PSRM	6
TIDAK BERPARTI	8
JUMLAH	60

Golongan yang paling aktif adalah orang-orang yang mempunyai jawatan dalam sesebuah parti. Contohnya ialah ketua cawangan, setiausaha dan ahli jawatankuasa. Mereka ini biasanya terdiri daripada guru, kerani, dan orang-orang yang mendapat pendidikan yang lebih baik. Golongan ini sentiasa berdepan dengan masalah politik sama ada di kawasan mereka atau di luar kawasan mereka.

Sementara golongan yang aktif ialah golongan yang menjadi ahli biasa. Setengah atau kebanyakan dari mereka menjadi pengikut paling setia dan fanatik kepada parti. Ini boleh dilihat atau dirujuk kepada pengikut parti Pas. Mereka memandang pemimpin dan parti mereka adalah yang paling 'ideal'. Mereka juga sangat memandang jijik kepada parti dan ahlinya terutama kepada pengikut parti UMNO.

Satu lagi golongan yang aktif ialah golongan yang non-partisan. Golongan ini tidak melibatkan diri mereka dalam politik kerana mereka menganggap politik adalah membuang masa dan 'dirty business'. Golongan ini biasanya terdiri daripada kerani, peniaga dan yang mempunyai kedudukan yang baik. Mereka menyokong seseorang pemimpin itu berdasarkan kepada keupayaan pemimpin atau wakil rakyat tersebut. Boleh dikatakan golongan ini adalah golongan yang 'open minded'.

Semasa pengkaji menjalankan kajiannya, pengkaji telah menemui seorang respondan yang boleh dipanggil 'political veteran'.

Political veteran tersebut ialah Haji Long bin Ali. Beliau telah melibatkan diri dalam politik khususnya UMNO sejak dari tahun 1955 lagi. Beliau adalah ahli UMNO yang tertua di Kepong ini.

Hasil dari temubual itu, didapati dahulunya dia adalah seorang ahli UMNO yang aktif semasa mudanya. Apabila ditanya tentang wakil rakyat pada masa sekarang, mereka tidak berfungsi sepenuhnya sebagai wakil rakyat. Apa yang dipentingkan ialah kepentingan peribadi untuk mendapatkan kuasa dan kekayaan. Apabila ditanya tentang penglibatannya dalam politik sekarang, dia berkata dia tidak mahu campurtangan lagi kerana politik sekarang terlalu ekstrim.

Tetapi golongan yang paling ramai ialah golongan yang pasif. Golongan ini hanya mehibatkan diri mereka secara bermusim iaitu semasa pilihanraya iaitu sebagai pengundi. Sokongan mereka terhadap parti UMNO adalah disebabkan parti UMNO adalah parti orang Melayu. Selain dari itu mereka juga berkata bahawa..

parti UMNO telah membawa berbagai kemajuan semenjak negara mencapai kemerdekaan. Sementara itu bagi pengikut parti Pas pula, mereka menyokong Pas kerana parti iju memperjuangkan Islam dan ideologinya adalah berlandaskan al-Quran dan hadith. Selain dari itu mereka berkata bahawa kerajaan hari ini adalah kafir kerana tidak menjalankan undang-undang Islam. Oleh sebab itu mereka berjuang menentang kerajaan dengan tujuan untuk menubuhkan sebuah negara Islam.

Bagi pengikut parti PSRM pula, mereka menyokongnya kerana ia adalah sebuah parti yang sederhana. Perjuangan mereka adalah untuk menyamaraikan taraf semua orang.

Golongan yang tidak berparti pula berkata bahawa semua parti yang ada hanyalah untuk mendapatkan kuasa dan bagi pemimpin parti pula, mereka hanyalah untuk mencapai kesenangan diri mereka. Namun begitu mereka juga tidak menafikan ada wakil rakyat yang benar-benar berjuang untuk kepentingan rakyat di kawasan mereka.

Mengenai pemimpin yang mereka sukai, biasanya bagi penyokong parti UMNO, mereka menggemari pemimpin-pemimpin seperti Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Datuk Musa Hitam, Encik Anwar Ibrahim dan Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad.

Sementara Pas pula, kebanyakannya amat menyanjung pemimpin mereka seperti Haji Abdul Hadi Awang, Uztaz Fadzil Noor, Haji Mustafa Ali dan pemimpin-pemimpin Pas yang lain sama peringkat negeri atau di peringkat kebangsaan.

Apabila ditanya tentang dasar parti yang mana boleh memerintah negara dengan baik, penyokong parti UMNO dan yang tidak berparti memberi jawapan ialah dasar parti UMNO. Sementara itu bagi penyokong parti Pas, ialah dasar parti Pas kerana ia adalah berlandaskan kepada al-Quran dan hadith. Berlainan pula dengan penyokong UMNO dan tidak berparti memberi sebab iaitu UMNO telah memerintah negara ini semenjak merdeka lagi.

Kesemua sebab dan ciri serta atau tidak menyertai politik ini dimaksudkan kepada suatu sifat sejagat manusia, yang bila didedahkan kepada mana-mana ideologi dan pemerintah tidak merasa akibatnya. Dalam masyarakat demokrasi, sebab kebebasan secara adil memberi peluang kepada siapa yang layak untuk bergiat dalam politik. Ternyata dalam hal ini tidak semua orang bersedia dan sanggup melibatkan diri mereka sebagai ahli politik. Dalam masyarakat dan negara yang mewajibkan pengundian ke atas semua yang layak, sikap apatik tetap terdapat.

Rahsia dalam mengajar manusia bukanlah menyalurkan maklumat yang benar dan sempurna sahaja yang baik. Maklumat baik pada maklumat salyut itu boleh seperti maklumat buruk, maklumat yang membawa rasa sombre. (Rashidah Bahar, 1992/03473).

Hal ini lah yang kerap mengakibatkan orang-orang tidak menginginkan guru mengajar di dalam kelas mereka dalam keadaan bersama-sama. Sifat yang baik pada seseorang wakil rakyat seharusnya adalah bersikap adil, sopan dan sopan.

#### BAB EMPAT

Dalam hal ini, WAKIL RAKYAT YANG IDEAL menyatakan itu terdapat beberapa ciri-ciri tertentu. Berikut dituliskan beberapa prinsip itu dalam

Sudah menjadi peraturan yang tetap di dalam alam ini bahwasanya segala sesuatu itu berjalan dengan pimpinan. Keadaan ini boleh dirujukan kepada peranan wakil rakyat sebagai seorang pemimpin dalam masyarakat. Oleh sebab itu pemimpin (wakil rakyat) dan masyarakatnya adalah saling kait-mengait dan perlu memerlui. Pemimpin membentuk masyarakat dan masyarakat membentuk pemimpinnya pula, tidak adapun pemimpin kalau tidak ada masyarakat. (Amrullah,1973:6).

Dalam hal ini, dengan bertanyakan kepada penduduk kampung atau responden dari komuniti yang dikaji mengenai orang yang semacam mana yang hendak mereka pilih sebagai wakil rakyat mereka. Di sini pengkaji telah membuat pembahagian tentang pendapat-pendapat yang diberikan oleh responden.

##### a) Sifat-sifat Peribadi.

Kebanyakan anggota komuniti ini mahukan seorang wakil rakyat yang jujur dan mempunyai sifat yang baik. Sifat yang baik pada wakil rakyat itu ialah seperti sifat suka bergaul, suka menolong dan amanah. (Hashim Suboh,1982/83:73).

Ini adalah penting kerana masyarakat kampung adalah masyarakat yang mementingkan sopan santun dalam kehidupan harian mereka. Sifat yang baik pula, dia adalah seorang yang tidak melakukan apa-apa kesalahan baik dari segi agama, undang-undang maupun dari segi adat resam. Dalam hal ini, pengetahuan yang ada pada masyarakat itu terbatas mengenai calon tersebut. Sesuatu maklumat tentang pemimpin itu hanya akan diketahui dengan lebih jelas dan lanjut apabila pemimpin itu sendiri atau wakilnya datang dan memperkenalkan dirinya. Tetapi keadaan ini tidak boleh diperdayai dengan sepenuhnya.

Setelah zaman bertambah maju seperti sekarang ini, maka selain dari sifat-sifat di atas, seseorang yang menjadi wakil rakyat atau calonnya hendaklah mempunyai sifat yang bijaksana. (Amrullah, 1973:94). Bijaksana di sini ialah keupayaannya dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang mempunyai hubungan dengan penduduknya. Ini biasanya terjadi bila seseorang penduduk itu menghadapi sesuatu masalah seperti masalah pelajaran anak-anak, masalah kemudahan sosial dan lain-lain. Ekoran dari ini, seseorang wakil rakyat atau calonnya akan dihormati kerana sentiasa mengambil tahu tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat. Ini adalah salah satu sikap sosial yang perlu adapada seseorang wakil rakyat itu.

Sikap sosial yang lain yang perlu ada pada wakil rakyat itu adalah dari segi pergaulan. Bagi penduduk atau respondan, seseorang wakil rakyat itu perlu bergaul dengan semua lapisan masyarakat. Contohnya dalam sesuatu majlis seperti perkahwinan dan kematian. Dengan..

ini seseorang wakil rakyat itu akan dapat mengetahui dengan lebih jelas tentang masalah yang dihadapi oleh seseorang penduduk dan juga masyarakat. Di sini akan timbul sikap atau perasaan tanggungjawab terhadap rakyat.

Sikap sosial juga penting bagi seseorang wakil rakyat itu ialah menghormati dan sedis mendengar pendapat yang dikemukakan oleh orang kampung. Ini dapat dilakukan semasa lawatannya ke kampung berkenaan. Kalaupun tidak mahu mendengar bermakna ia telah mengecewakan hati orang yang mengemukakan pendapat itu. Kalau tidak mahu menerima pendapat tersebut, kesudian mendengarnya adalah sudah memadai bagi seseorang penduduk kampung. Ini boleh menunjukkan wakil rakyat berkenaan tidak mempunyai sifat yang sombong. Ini juga akan meningkatkan lagi 'Sahamnya' sebagai seorang wakil rakyat sekaligus sebagai pemimpin bagi masyarakat yang di bawah pimpinannya.

Oleh sebab kawasan pilihanraya ini luas dan mempunyai banyak kampung, penduduk kawasan ini tidak mengharapkan wakil rakyat berkenaan melawat mereka setiap minggu atau setiap bulan. Sekurang-kurangnya wakil rakyat berkenaan melawat kampung mereka tiga bulan sekali atau bila ada kelapangan. Ini terutamanya boleh dilakukan pada hari Jumaat kerana dia dapat bersembahyang Jumaat di kampung berkenaan. Dengan ini, dia akan dapat berjumpa dengan penduduk kampung berkenaan dan bertanya khabar bila bertemu dengan mereka.

Berhubung dengan pertolongan yang diperlukan oleh penduduk kampung dari pada wakil rakyat berkenaan, ialah dalam bentuk material dan juga moral.

Pertolongan yang berbentuk material ialah dari segi kewangan. Ini dapat dilakukan dalam kes-kes tertentu dan wakil rakyat berkenaan tidak kedekut dengan wang poketnya. Kadang-kadang penduduk kampung juga memerlukan bantuan kewangan yang segera dalam membuat atau menjayakan sesuatu projek atau majlis. Dengan ini wakil rakyat berkenaan kenalah memberi sumbangan peribadi dalam bentuk kewangan atau benda-benda yang diperlukan.

Manakala dari segi moral, sokongan yang diberikan oleh wakil rakyat berkenaan kepada penduduk yang memerlukannya. Sebagai contohnya seorang penduduk ingin mendapatkan bantuan kewangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Oleh itu mereka memerlukan sokongan daripada wakil rakyat selain dari sokongan yang telah diberikan oleh ketua kampung.

Selain dari itu, ada juga penduduk yang memerlukan pertolongan wakil rakyat bagi anak-anak mereka untuk mendapatkan pekerjaan, biasiswa dan sebagainya. Setengahnya pula memerlukan tunjuk ajar dan perkhidmatan nasihat untuk mendapatkan lesen bagi membuka sesebuah kedai runcit atau mendapatkan pinjaman bank bagi membuka sesmasu perniagaan.

Tetapi kebanyakkan dari respondan yang ditemui adalah lebih menekankan pertolongan dari segi moral. Ini adalah penting kerana penduduk kampung-kampung ini mempunyai pendidikan yang rendah. Oleh itu mereka lebih memerlukan nasihat yang berguna bagi menjalankan kegiatan yang mempunyai kaitan dengan masyarakat tempatan. Kegiatan yang memerlukan nasihat adalah seperti tentang pelajaran anak-anak mereka, urusan yang berkaitan dengan tanah dan sebagainya.

b) Kelulusan, Pengetahuan dan Kebolehan.

Kebanyakan dari respondan yang ditemui amat mementingkan faktor-faktor kelulusan, pengalaman dan kebolehan serta pengetahuan seseorang calon wakil rakyat. Dari 60 orang respondan yang ditemui, 45 daripadanya amat mementingkan kelulusan akademik yang tinggi. Kelulusan yang tinggi di sini bolehlah dikatakan sebagai kelulusan dari universiti. Ada beberapa orang di antara mereka yang menekankan kelulusan dari segi undang-undang. Ada juga di antara respondan yang mengatakan seseorang calon wakil rakyat itu tidak perlu pelajaran yang tinggi tetapi mereka mestilah mempunyai kebolehan dalam agama. Di sini mereka biasanya mahukan calon wakil rakyat itu adalah lulusan dari sekolah Arab. Mengikut mereka lagi, dengan adanya kelulusan dalam bahasa Arab ini akan menyenangkan calon wakil rakyat itu memberi ceramah agama dan membaca khutbah pada hari Jumaat. Pendapat ini diberikan oleh 6 orang respondan yang telah ditemui.

Manakala 9 orang respondan lagi tidak begitu mementingkan kelulusan akademik. Apa yang mereka pentingkan ialah kemampuan yang ada pada calon wakil rakyat berkenaan. Mengikut mereka kalaupun calon wakil rakyat berkenaan mempunyai kelulusan akademik yang tinggi tetapi tidak mampu menyelesaikan masalah rakyat, ia tidak berguna langsung. Apa yang penting bagi mereka ialah seseorang calon wakil rakyat itu berkeupayaan untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan kepadanya dan dapat memberi pertolongan kepada mereka yang memerlukan pada bila-bila masa sahaja.

Dari segi pengalaman pula, 30 orang respondan mahukan seseorang calon wakil rakyat itu mempunyai pengalaman dalam bidang politik. Bagi mereka, ini adalah penting untuk calon itu. Kepentingan ini mungkin dipandang dari keadaan hari ini di mana seseorang calon wakil rakyat itu sentiasa terdedah dengan konflik politik dalam negeri ~~mak~~ atau pada peringkat kebangsaan. Dengan adanya pengalaman dan pengetahuan dalam politik ini, akan menyenangkan calon wakil rakyat berkenaan untuk berbicang dengan golongan atasan dan juga masyarakat di bawahnya.

Ada juga respondan yang mahukan calon wakil rakyat mempunyai pengalaman dalam agama. Pilihan ini mungkin bardasarkan kepada pengikut Pas yang mahukan seseorang calon wakil rakyat itu berjuang di atas dasar agama Islam dan bercita-cita untuk menubuhkan sebuah negara Islam. Dalam hal ini, ia juga dikehendaki oleh golongan yang sudah arif dalam bidang agama Islam di kampung seperti imam dan bilal.

Setengah daripada respongan pula mahukan calon wakil rakyat itu seorang yang serba boleh, betul-betul berkebolehan dan pandai memimpin rakyat. Ini adalah penting menurut mereka kerana calon wakil rakyat itu adalah bakal seorang pemimpin yang akan menjadi 'opinion leaders' atau 'centre of the information' di dalam kawasannya. Ia juga menjadi tempat rakyat mengadu hal tentang apa-apa masalah yang timbul sama ada dalam soal agama, ekonomi, sosial dan politik. Ini adalah pendapat yang telah dikemukakan oleh 10 orang calon/respondan.

Bagi 35 orang respondan lain, mereka mahukan seseorang wakil rakyat itu..

berupaya untuk berpidato dan berucap dengan lancar. Ini adalah penting kerana wakil rakyat itu sudah tentu akan dikehendaki untuk menerangkan atau menyampaikan sesuatu maklumat kepada orang ramai terutama sekali kepada rakyat yang diwakilinya. Kepandaian bercakap dan berpidato ini akan manjadikan beliau sebagai daya tarikan kepada rakyat yang mendengarnya dan mereka akan sentiasa ingin tahu apakah mesaj yang akan disampaikan oleh wakil rakyat mereka selanjutnya.

Jika keadaan sebaliknya berlaku, rakyat akan merasa jemu dan tidak berminat untuk mendengar apa yang akan disampaikan oleh wakil rakyat mereka. Dengan ini sesuatu maklumat yang penting mungkin tidak akan diterima oleh rakyat di kawasannya.

Hal ini juga penting dalam usaha wakil rakyat berkenaan untuk berucap atau untuk menyampaikan hasrat yang dikehendaki oleh rakyat kepada pihak atasan. Mereka juga tidak mahu wakil rakyat mereka menjadi tunggul yang bercakap dan 'pak turut' semasa berada dalam Dewan Undangan Negeri.

Sementara itu respondan yang sebahinya mahukan wakil rakyat mereka pandai 'mengambil hati' penduduk dan berupaya untuk menyelesaikan masalah mereka. Mengambil hati di sini bermaksud wakil rakyat itu berupaya untuk mempengaruhi seseorang penduduk itu dengan cara yang tertentu. Ini adalah bertujuan untuk menarik perhatian penduduk supaya menyokongnya. Mereka juga mahu melihat wakil rakyat itu menjadi pemimpin masyarakat yang diwakilinya dan bukannya sebagai pengikut.

Oleh itu dia haruslah menjadi prang yang pertama sekali mengambil...

inisiatif bagi membangunkan masyarakat. Dia mestilah mempunyai ide-ide yang baik dalam usaha untuk memajukan masyarakat dan menyelesaikan masalah yang timbul dengan tidak disedari. Dengan adanya inisiatif ini akan mewujudkan persefahaman dari pelbagai segi.

c) Kedudukan Sosio-ekonomi Calon atau Wakil Rakyat.

Di dalam temuramah pengkaji dengan respondan, didapati 45 orang respondan telah menyatakan yang mereka tidak mahu orang kaya menjana di wakil rakyat mereka. Mereka telah memberi berbagai alasan dan sebab di dalam temuramah tersebut. Bagi mereka orang kaya kebanyakannya tidak tahu erti kesusahan sebenar yang dihadapi oleh orang-orang miskin. Mereka hanya melihat dari segi lahiriah tetapi tidak dengan secara yang lebih mendalam. Bagi mereka, orang kaya ini sukar untuk meminta pertolongan. Ini adalah disebabkan mereka sentiasa sibuk dengan urusan mereka. Lagipun ada di antara mereka yang menjadi wakil rakyat ini hanyalah untuk menambahkan lagi kekayaan yang ada pada diri mereka. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak puas dengan kekayaan yang telah ada pada mereka.

Ada juga respondan yang memberi alasan kenapa mereka tidak mahu orang kaya menjadi wakil rakyat mereka. Apa yang mereka pentingkan ialah dari segi kepimpinan mereka. Di sini jika orang yang tidak kaya pun, jika punya sikap atau sifat sebagai pemimpin yang sentiasa bersedia untuk bekerja pada bila-bila masa diperlukan, mereka akan mmilihnya.

Dalam hal ini, respondan biasanya bersetuju dengan wakil rakyat yang

mempunyai kedudukan yang sederhana. Ini adalah penting kerana dengan demikian, wakil rakyat berkenaan akan megetahui dengan lebih jelas tentang keadaan sebenar masalah yang dihadapi oleh masyarakat kampung. Mereka juga sentiasa bersedia dan tidak begitu mementangkan diri sendiri. Dengan ini beliau akan dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap tugas-tugasnya, sebagai wakil rakyat. Pendapat ini biasanya diberikan oleh golongan yang mempunyai pendidikan yang agak tinggi dan biasanya ia menjadi 'opinion leaders' bagi kawasannya. Ini mungkin dari segi pengalaman-pengalaman yang lalu terhadap wakil rakyat yang pernah mereka pilih.

Respondan yang selebihnya memilih orang yang kukuh ekonominya dan ia bolsh diertikan sebagai orang kaya. Bagi mereka dengan memilih orang kaya sebagai wakil rakyat mereka, mereka akan dapat memberi pertolongan yang mereka perlukan dengan serta merta terutama dari segi wang ringgit. Bagi golongan ini, orang kaya boleh mengeluarkan wang mereka sendiri terlebih dahulu sementara menanti bantuan dari pihak yang tertentu.

Kesemua respondan tidak bersetuju jika wakil rakyat mereka terdiri dari orang miskin. Ini menurut mereka orang miskin bila menjadi wakil rakyat akan mendahului kepentingan diri mereka dahulu. Dengan ini mereka tidak begitu menumpukan sepenuh perhatiannya terhadap tugasnya sebagai seorang wakil rakyat dan juga sebagai seorang pemimpin.

Dengan pendapat-pandapat yang telah diberikan oleh respondan ini, dapat dikatakan bahawa telah terdapat perubahan dari segi pemikiran walaupun

kebanyakannya respondan ini kurang mendapat pendidikan secara formal. Ini mungkin terjadi hasil dari pengalaman hidup mereka terhadap golongan yang mempunyai kekayaan. Pada dahulunya mereka menghormati orang kaya tetapi sebaliknya orang kaya pula menindas orang bawah demi kepentingan diri sendiri. Ini adalah sati realiti dari segi sejarah kehidupan orang-orang Melayu.

d) Kegiatan Sosial Calon atau Wakil Rakyat.

Kegiatan sosial yang diceburi oleh wakil rakyat atau calonnya adalah juga menjadi pertimbangan bagi segolongan respondan. Ia perlu mencelburkan diri dalam berbagai kegiatan sosial yang dimanjurkan oleh penduduk kampung berkenaan. Dalam hal ini terdapat dua pendapat yang telah diberikan oleh respondan:-

- i) Golongan yang mewajibkan wakil rakyat itu menceburkan diri dalam kegiatan sosial.
- ii) Golongan yang mengatakan wakil rakyat tidak perlu sangat untuk melibatkan dirinya dalam kegiatan sosial.

Bagi golongan yang pertama iaitu seramai 46 orang yang terdiri dari petani, kerani, guru, tukang kayu dan yang bekerja sendiri, menyatakan orang yang hendak dipilih sebagai wakil rakyat dan yang menjadi wakil rakyat itu mestilah hadir dalam upacara atau majlis seperti jemputan kahwin, kenduri, ceramah agama, mesyuarat yang tertentu dan sebagaimanya. Dalam hal ini seorang yang ingin menjadi wakil rakyat hendaklah cergas dalam kegiatan sosial dan ekonomi.

Mereka juga perlu membuat lawatan ke kampung-kampung sama ada lawatan peribadi atau atas nama parti. Tujuannya ialah untuk menyampaikan maklumat yang tertentu kepada rakyat. Kebanyakan penduduk memerlukan maklumat seperti ini kerana mereka ingin tahu dengan lebih jelas dan lebih lanjut tentang sesuatu rancangan atau tentang hal-hal politik, ekonomi dan sosial yang kerajaan tempah di kawasan itu atau yang sedang dirancangkan. Walaupun mereka sudah mempunyai media massa seperti radio, televisyen dan akhbar, namun maklumat yang diberikan oleh wakil rakyat mereka akan membuatkan lebih faham tentang keadaan itu.

Bagi golongan kedua pula iaitu seramai 14 orang respondan, mempunyai pendapat yang berbeza dengan golongan yang pertama. Golongan ini tidak gemar kepada wakil rakyat yang terlalu menceburkan diri dalam banyak kegiatan sosial. Seorang respondan yang sempat ditemui iaitu Encik Mokhtar bin Ali, seorang pekerja kerajaan di Jabatan Parit dan Talair menyatakan:-

"Seorang wakil rakyat itu tidak perlu bercampur atau terlibat dalam banyak kegiatan sosial. Dia tidak seharusnya selalu mengikut kehendak rakyat, jika rakyat main wau, dia turut serta, main gasing, dia turut serta dan lain-lain. Dia perlu menghadkan kegiatan seperti ini dari diceburinya. Apa yang perlu baginya hanyalah dalam upacara pengapian hadiah atau pembukaan sahaja. Yang lebih penting ialah mencebur atau menghadiri kegiatan keagamaan dan majlis kenduri".

Bagi mereka, wakil rakyat hanyalah perlu mencampurkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan tertentu seperti majlis-majlis kenduri, melawat

jenazah, majlis yang berbentuk agama dan juga dalam mesyuarat-mesyuarat yang tertentu. Di sini apa yang penting bagi golongan ini ialah dari segi kepimpinannya dan penglibatan wakil rakyat dalam majlis yang tidak bertentangan dengan kehendak agama Islam.

e) Aspek Ras.

Oleh kerana kawasan ini merupakan kawasan orang Melayu, maka tidak hairanlah jika mereka berkehendakkan orang Melayu sebagai wakil rakyat mereka. Ini merupakan kehendak respondan yang ditemui khususnya dan orang Melayu amnya. Apabila ditanya mengapa mereka hanya memilih orang Melayu untuk menjadi wakil rakyat mereka, mereka memberi alasan seperti:-

i) Orang Melayu adalah seagama dengan mereka.

ii) Orang Melayu adalah sebangsa.

iii) Orang Melayu tahu hal ehwal dan perasaan mereka.

iv) Orang Melayu senang untuk minta tolong.

v) Mudah dari segi perhubungan bahasa.

Apabila ditanya lagi mengapa orang asing seperti Cina dan India tidak boleh menjadi wakil rakyat mereka, mereka memberi alasan-alasan seperti berikut:-

i) Mereka berlainan agama.

ii) Islam melarang orang bukan Islam menjadi pemimpin mereka.

iii) Orang Cina kuat menipu dan orang India pula banyak yang ada pada putar belit.

iv) Dari segi perhubungan iaitu dari segi bahasa.

v) Susah untuk minta tolong.

Namun begitu ada juga di antara respondan yang akan menerima orang bukan Melayu menjadi wakil rakyat mereka. Ini hanyalah di kalangan respondan yang 'open minded' sahaja. Itupun kalau orang Melayu tidak ada yang layak untuk memegang jawatan ini. Dalam hal ini, pengkaji rasa orang Melayu akan membantah keras tindakan sesebuah parti politik yang cuba untuk meletakkan calon bukan Melayu atau pun pihak parti sendiri tidak akan berani menanggung risiko kalau meletakkan orang bukan Melayu di kawasan orang Melayu.

f) Tempat lahir atau asal calon atau wakil rakyat.

Seramai 36 orang respondan menyatakan sebaik-baik calon wakil rakyat adalah orang tempatan atau yang sudah lama menetap di kawasan itu. Ini menjadi perkara penting kerana jika wakil rakyat atau calonnya anak tempatan, sudah tentu beliau sudah dikenali oleh penduduk kawasan itu. Lagipun beliau sudah tahu selok belok kawasan itu dan hati budi penduduk di situ.

Bagi penduduk di situ pula, mereka lebih maklum lagi kerana sudah mengenali dan biasa bertemu. Jadi sudah tentu tidak ada segan silu lagi jika ada perkara penting yang mereka ingin minta tolong. Dengan kata lain ia mudah untuk minta tolong dengan orang yang telah lama dikenali dari pada orang yang baru dikenali. Keadaan ini dibantu lagi dengan kelayakan yang ada pada calon itu. Tentulah beliau akan dihormati oleh pen-

-duduk kawasan itu.

Sementara itu 24 orang respondan tidak begitu mementingkan sama ada ia orang tempatan atau tidak. Apa yang mereka pentingkan ialah kebolehan yang ada pada diri calon itu atau wakil rakyat berkemasaan. Seseorang yang ingin menjadi wakil rakyat di kawasan bukan tempat asalnya juga mestilah memperkenalkan dirinya terlebih dahulu kepada penduduk kawasan itu. Caranya ialah beliau pergi ke kawasan berkenaan pada hari tertentu seperti hari Jumaat dan berjumpa dengan 'opinion leaders' seperti ketua kampung atau ketua cawangan parti. Dengan ini mereka akan dapat mengenali calon yang akan menjadi wakil rakyat mereka.

Kalau pun dia bukan orang tempatan, mungkin dia sudah biasa dengan kawasan itu kerana dia mempunyai kenalan di kawasan tersebut dan sudah biasa dengan penduduk di situ. Atau pun penduduk kawasan itu pernah minta tolong daripadanya kerana beliau pernah memegang jawatan penting dalam sektor kerajaan seperti Pegawai Daerah atau penolongnya. Bagi golongan ini, tidak guna memilih orang tempatan menjadi wakil rakyat mereka kalau dia sentiasa sibuk dengan urusan peribadinya atau pun tidak mempunyai kebolehan untuk menjadi seorang pemimpin.

g) Parti politik yang diwakili.

Latarbelakang, sokongan atau pun pegangan terhadap ideologi atau parti politik tertentu biasanya mempunyai pengaruh yang besar terhadap hasil pilihan raya mereka. Ibu disebutkan parti tertentu

sebarang pandangan atau sokongan politik terhadap seseorang wakil rakyat.

Seramai 26 orang respondan yang menjadi ahli UMNO menyatakan mereka berkehendakkan wakil rakyat itu mestilah dari parti Umno. Ini disebabkan kebanyakannya penduduk di kawasan ini adalah terdiri daripada orang Melayu. Mereka tidak akan memilih calon dari parti lain kerana bagi mereka calon dari parti lain tidak dapat membawa kemajuan ke kawasan itu.

Selain dari itu mereka juga memberi alasan bahawa jasa dan keupayaan UMNO memerintah negara sehingga kini, anggapan sebagai sebuah parti kerajaan yang tentunya tidak wajar 'ditentang' kerana kekhustiran kemungkinan-kemungkinan yang tertentu, dan juga bahawa parti ini adalah sebuah parti politik yang memperjuangkan hak-hak orang Melayu. Disamping itu tidak kurang juga yang menjadi 'pak turut' sahaja yakni berdasarkan kepada nasihat atau sokongan orang ramai.

Seramai 20 orang respondan yang menjadi ahli parti Pas pula berkata bahawa mereka akan mengutamakan calon dari parti Pas untuk menjadi wakil rakyat. Mereka tidak akan mengundi atau menerima calon dari lain walaupun calon itu adalah dari bangsa Melayu juga. Mereka memberi alasan bahawa perjuangan Pas adalah untuk membela nasib orang-orang Melayu dan agama Islam serta menubuhkan sebuah negara Islam.

Tetapi bagi respondan yang mengaku dirinya tidak berparti iaitu seramai 8 orang, mereka lebih suka untuk memilih calon dari parti UMNO bagi menjadi wakil rakyat mereka. Ini disebabkan parti ini boleh mu-

beri mereka kemajuan dan ini tidak boleh diberikan oleh parti-parti yang lain.

#### BAB VIII

Sementara penyokong parti PSRM pula, mereka lebih suka atau mengutamakan calon dari parti mereka. Bagi mereka tujuannya adalah untuk memecahkan undi kerana mereka tahu walau mereka tidak akan menang.

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa faktor-faktor yang ditekankan iaitu faktor-faktor yang membentuk peribadi atau personaliti seseorang yang ingin menjadi wakil rakyat. Selain dari itu, faktor ras dan penglibatan dalam politik juga dianggap penting. Pada hakikatnya penduduk kawasan Dewan Undangan Negeri Wakaf Mempelam memerlukan orang Melayu sebagai wakil rakyat mereka.

Dalam sebahagian besar politikawan di sini, kecemasan dan kecemasan adalah akibat wajah muka tertentu bagi seorang calon yang membawanya ke dalam pilkhan. Seperti bagi komuniti Wakaf Mempelam ini, pilkhan yang salah merupakan hal yang terlalu serius pada mereka yang tidak dihadiri pada pelantikan komuniti itu. Sesekali bagi pilkhan yang ada ia, mereka mengira sejatah haluan perjuangan mereka telah mendapat calonan yang selain sejatah dari mereka. Terlebih lagi jika mengira kesulitan dengan sejatah pilkhanaya bagi komuniti itu.

Selain itu tidak ada seorang sahut rakyat pun yang dapat mengalihkan berpikir mereka daripada perasaan berpikir-pikir mereka dalam pilkhanaya 1974 dan juga dalam pilkhanaya berikutnya (1986). Komuniti

## BAB LIMA

### PILIHANRAYA 1982: KEKALAHAN UMNO DAN KEMENANGAN PAS.

Apabila keputusan pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri dan Parlimen yang telah diadakan pada 22hb. April, 1982 diumumkan, calon Pas iaitu Mustafa@ Harun bin Ali telah berjaya memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Wakaf Mempelam. Beliau telah berjaya menewaskan calon UMNO iaitu Mohamad Shafei Abd. Rahman dengan kelebihan undi sebanyak 421 undi. (Dewan Masyarakat, 1982:47-48).

Dalam satu-satu peristiwa politik seperti ini, kekalahan dan kemenangan adalah dianggap sebagai satu kebiasaan bagi seseorang calon yang menghadapi satu-satu pilihanraya. Tetapi bagi kawasan Wakaf Mempelam ini, pihak yang kalah akan mengatakan bahawa terdapat sesuatu perkara yang tidak disedari yang menyebabkan kekalahan itu. Manakala bagi pihak yang satu lagi, mereka mungkin menyatakan bahawa perjuangan mereka telah mendapat sokongan yang makin meluas dari rakyat. Tetapi ia juga mungkin berkaitan dengan sejarah pilihanraya bagi kawasan ini.

Sebelum ini tidak ada seorang wakil rakyat pun yang dapat mengekal-kan kerusinya untuk dua penggal berturut-turut kecuali dalam pilihanraya 1974 dan juga dalam pilihanraya baru-baru ini (1986). Keadaan

ini mungkin juga berdasarkan kepada dasar atau ideologi parti yang terlibat, perjalanan serta penglibatan calon atau wakil rakyat tersebut.

Pada pandangan penduduk kawasan ini, selama ini mereka menganggap wakil rakyat mereka iaitu Mohamad Shafei sebagai pemimpin mereka. Tetapi beliau telah gagal menjalankan tugasnya sebagai seorang pemimpin. Ini disebabkan kurangnya penglibatan beliau di dalam kegiatan sosial atau kegiatan yang lain. Kegagalan beliau juga dilihat dari segi yang lain iaitu kurangnya inisiatif beliau untuk menolong anggota masyarakat yang diwakilinya. Sebagai akibatnya, kepopulariti-nya sebagai pemimpin telah hilang.

Beliau telah menjadi wakil rakyat bagi kawasan ini dari tahun 1978 hingga 1982. Kekalahan beliau dalam pilihanraya 1982 lalu adalah disebabkan kellemahan dirinya sendiri dan juga berkurangnya sokongan yang diterima olehnya. Kelemahan ini berpunca dari kegagalan beliau sendiri iaitu dari segi pimpinan dan ketidaksanggupan beliau memenuhi beberapa kehendak penduduk di kawasannya.

Sementara itu kemenangan calon Pas iaitu Mustafa bin Ali pula merupakan sesuatu yang diluar dugaan. Ini adalah disebabkan ramai pihak termasuk pihak UMNO sendiri begitu yakin untuk mengekalkan calonnya di kawasan ini. Keadaan ini adalah disebabkan oleh situasi selepas kemenangan calonnya dalam pilihanraya 1978 dahulu di mana ia telah menjadi kubu kuat UMNO. Lagi pun selepas kemenangan itu, Mohamad

Shafei sebagai wakil rakyat telah membawa beberapa kemajuan ke kawasan ini dan beberapa rancangan lagi akan menyusul jika beliau dapat mengekalkan kerusi DUN itu. Rancangan ini dibuat sebelum pilihanraya lagi dan diberhentikan buat sementara kerana pilihanraya itu. Selain dari itu Mohamad Shafei juga adalah orang yang telah mendapat pendidikan di sekolah Arab dan mempunyai pengetahuan agama yang baik. Beliau pernah membaca khutbah Jumaat di beberapa buah kampung semasa menjadi wakil rakyat. Berbanding dengan Mustafa Ali yang mendapat pendidikan di sekolah biasa.

Kebanyakan daripada masyarakat di kawasan ini adalah terdiri daripada orang-orang Melayu. Boleh dikatakan mereka biasanya melibatkan diri mereka dalam politik dengan menganggotai parti UMNO dan Pas. Ini adalah disebabkan kedua-dua buah parti ini adalah dianggожai sepenuhnya oleh orang Melayu. Jadi kemenangan Pas di kawasan ini bolehlah dikatakan sebagai sokongan atas diri calon itu iaitu Mustafa bin Ali. Beliau juga adalah bekas ahli Parlimen Kuala Terengganu dalam pilihanraya 1974. Kawasan ini terletak di dalam kawasan Parlimen Kuala Terengganu.

Dalam memperkatakan tentang kekalahan Mohamad Shafei ini, ada beberapa sebab yang boleh diperkatakan sebagai kelemahan dirinya dan oleh itu sokongan yang diterima adalah kurang berbanding dengan sokongan yang diterima oleh Mustafa Ali. Beberapa pendapat telah diberi oleh respondan sama ada respondan itu penyokong UMNO atau pun penyokong Pas.

Ramai di antara respondan yang ditemui mengatakan Mohamad Shafei ada mengamalkan sikap pilih kasih. Ini biasanya dilakukan terhadap beberapa perkara tetapi yang paling ketara ialah mengenai pembahagian baja subsidi.

Oleh sebab kawasan ini adalah kawasan pertanian, dan kebanyakan penduduknya adalah terdiri dari petani yang miskin, maka sudah tentulah mereka tidak mampu membeli baja untuk tanaman mereka. Oleh itu mereka memerlukan baja yang dibekalkan oleh pihak kerajaan. Namun begitu ada di antara mereka kecewa kerana terdapat ketidakadilan dalam pembahagian baja ini. Keutamaan diberi kepada mereka yang mempunyai tali persaudaraan dan sikap politik yang sama dengan mereka yang ditugaskan untuk melakukan pembahagian ini.

Selain dari itu Mohamad Shafei juga telah melakukan kesilapan dengan secara tidak disedari semasa beliau membuat lawatan ke sesebuah kampung. Bagi respondan, lawatan tersebut atas nama parti atau atas urusan persendirian tidaklah mereka persoalkan. Dalam lawatan ini, beliau hanya mengunjungi orang yang tertentu sahaja. Biasanya beliau hanya mengunjungi orang yang dikenalinya dan biasanya ketua cawangan parti di kampung berkenaan. Namun begitu beliau tidak membuat lawatan ke kawasan sekitar kerana selepas berjumpa dengan orang dikehendaki, beliau terus sahaja berlalu dari situ. Ini menyebabkan ramai penduduk merasa terkilan kerana mereka tidak dapat menyatakan masalah mereka secara langsung kepada wakil rakyat mereka.

Satu lagi sikap Mohamad Shafei yang tidak disukai oleh setengah pen-

duduk kampung ialah sambutan beliau terhadap penduduk kampung yang datang meminta bantuan. Biasanya bantuan yang kerap ditolak oleh Mohamad Shafei ialah bantuan untuk mendapatkan bantuan pekerjaan. Penolakan ini dibuat kerana kelulusan yang ada pada anak pemintanya itu tidak bersesuaian dengan kerja yang akan dipohon itu nanti. Disebabkan sikap terbuka yang diamalkan oleh Mohamad Shafei ini menyebabkan mereka mengatakan wakil rakyat mereka tidak boleh diminta tolong dan tidak boleh diharapkan.

Pada pendapat pengkaji, faktor yang paling kuat yang menyebabkan kekalahan beliau ialah perpecahan yang berlaku di kalangan ahli UMNO sendiri. Kejadian ini berlaku apabila cawangan UMNO sebuah kampung iaitu Kampong Padang Midin meminta calon yang akan bertanding dalam pilihanraya 1982 dipilih dari anak tempatan. Permintaan ini telah ditolak oleh puuk pimpinan Umno Bahagian. Ini menyebabkan kebanyakannya penyokong UMNO kampung ini dan beberapa buah kampung yang lain telah mengundi calon Pas atau tidak keluar mengundi. Kejadian ini mungkin merupakan satu protes dan menyebabkan kekalahan calon UMNO dalam pilihanraya tersebut.

Satulagi faktor yang menyebabkan perpecahan di kalangan penyokong UMNO ini ialah hilangnya kepercayaan terhadap puuk pimpinan parti tersebut di sebuah kampung. Ini terjadi di sebuah kampung iaitu di Kampong Wakaf Mempelam sendiri. Dalam kejadian ini, terdapat ahli UMNO kampung tersebut yang telah menyalahgunakan wang yang diberi oleh pihak kerajaan. Pemberian ini adalah untuk kerja pembaikan surau/madrasah di kampung tersebut. Tetapi wang tersebut telah diguna-

kan untuk kepentingan diri sendiri di kalangan beberapa ahli parti.

Ini menyebabkan ramai ahli UMNO telah keluar dari parti tersebut atau telah mengundi calon Pas dalam pilihanraya 1982.

Mengikut beberapa respondan yang ditemui dan juga ketua cawangan parti di kawasan kajian, Mohamad Shafei jarang dapat menghadiri diri di majlis-majlis tertentu seperti kenduri kahwin, kematian dan beberapa kegiatan lain. Oleh itu terpaksa ketua cawangan parti yang biasanya menjadi orang perantaraannya berbohong yang Mohamad Shafei tidak dapat datang tetapi beliau mengirim salam dan wang untuk majlis tersebut. Namun wang yang diberikan itu bukanlah wang yang diberikan oleh Mohamad Shafei tetapi ia adalah wang dari saku ketua cawangan parti itu sendiri. Ini adalah bertujuan untuk menjaga imej dan nama baik wakil rakyat itu. Tetapi berapa lamakah ia boleh berbuat demikian dan terus bersabar, lambat laun rahsia itu akan terbongkar juga.

Ekoran dari bantahan dari cawangan UMNO Kampong Padang Midin, terdapat pula hasutan yang dilakukan oleh golongan tertentu terhadap Mohamad Shafei bagi menjatuhkan beliau dalam pilihanraya 1982 itu. Di dalam hasutan itu, ada beberapa orang yang tertentu telah menyatakan kepada penduduk kampung tertentu supaya mereka mengundi calon lain selain dari Mohamad Shafei kerana beliau akan menang juga walaupun mereka tidak mengundinya. Ini telah berlaku di kalangan penduduk di beberapa buah kampung seperti Padang Midin, Pengadang Baru, Wakaf Mempelam, Gelugor Raja, Pulau Musang dan lain-lain lagi.

Sokongan ahli keluarga juga memainkan peranan penting untuk seseorang

itu memenangi sesuatu kerusi pilihanraya. Disebabkan Mohamad Shafei adalah seorang yang berasal dari Kuala Ibai, ini menyebabkan sokongan dari ahli keluarga beliau tidak terdapat di kawasan Wakaf Mempelam. Ini juga adalah salah satu faktor yang menyebabkan kekalahan beliau dalam pilihanraya itu.

Sementara itu dari segi kelulusan akademik, Mohamad Shafei hanyalah mempunyai kelulusan dari sekolah Arab dan Inggeris manakala Mustafa Ali adalah lulusan universiti. Oleh sebab kehanyakannya penduduk kawasan ini berkehendakkan orang yang mempunyai kelulusan yang tinggi sebagai salah satu syarat untuk dipilih sebagai wakil rakyat mereka, maka mereka telah memilih Mustafa Ali sebagai wakil rakyat mereka yang baru.

Kekalahan UMNO dan kemenangan Pas juga ada sedikit sebanyak mempunyai kaitan dengan Mustafa Ali sendiri.

Selain daripada mempunyai kelulusan yang lebih tinggi, beliau juga adalah bekas ahli Parlimen Kuala Terengganu dari tahun 1974 hingga ke tahun 1977. Ini menyebabkan ketokohan beliau sudah dikenali oleh penduduk kawasan sejak dari dahulu lagi berbanding dengan Mohamad Shafei. Ini ditambah lagi dengan jawatan beliau dalam kerajaan pada peringkat kebangsaan. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Menteri Sains dan Alam Sekitar dan sebelum itu sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Perdagangan dan Perindusterian.

Buat masa sekarang, beliau adalah seorang pemimpin Pas yang penting. Pada peringkat negeri, beliau adalah Timbalan Pesuruhjaya di bawah...

Haji Hadi Awang yang menjadi Pesuruhjaya Negeri.

Manakala pada peringkat kebangsaan pula, beliau adalah Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat. Kesemua jawatan yang dipegang olehnya pada masa sekarang dan juga pada masa dahulu adalah menjadi salah satu sebab dari-pada faktor yang menentukan kemenangan beliau dalam pilihanraya itu,

Kemenangan Pas juga banyak bergantung kepada kegiatannya yang dijalankan sebelum pilihanraya. Aktiviti utama yang dijalankan ialah ceramah. Dengan adanya ceramah yang diadakan hampir setiap malam, ini akan menarik hati para pendengar terutamanya yang berada dipersimpangan atau pun 'fance-sitters'.

Ceramah ini diadakan hampir setiap malam dan di tempat yang berlainan. Namun begitu pengikut-pengikut Pas akan berkunjung ke tempat ceramah itu diadakan. Kalau tidak ada kenderaan sendiri, mereka akan menyewa bas atau kenderaan lain yang boleh membawa mereka ke tempat ceramah tersebut.

Tetapi pengkaji berpendapat bahawa sebab utama kemenangan Pas ialah bergantung kepada ideologi perjuangan parti Pas itu sendiri. Disebabkan ideologi perjuangannya adalah berdasarkan agama Islam yang juga merupakan pegangan utama bagi orang-orang Melayu, mereka telah memilih calon Pas sebagai wakil rakyat mereka. Ini adalah bertujuan mencapai cita-cita yang diperjuangkan oleh Pas iaitu untuk mengubah negara ini kepada sebuah negara yang menjalankan undang-undang Islam. Selain dari itu, sikap fanatik yang terdapat pada pengikut Pas tidak akan melihat siapakah calon itu, asalkan dari parti Pas, mereka akan mengundinya. Ini menunjukkan mereka juga adalah fanatik kepada pemimpin dan meng-

anggap pemimpin mereka adalah yang terbaik dan parti mereka adalah sebuah parti yang benar dalam perjuangan untuk menegakkan agama Islam.

Selain dari itu adanya sikap atau perasaan terhutang budi kepada Mustafa Ali di kalangan penduduk kawasan ini adalah juga salah satu faktor kemenangan orang kuat Pas ini. Sikap ini terdapat di kalangan pengundi di kampung-kampung seperti Wakaf Mempelam, Merbau Putih, Losong dan juga Chabang Tiga. Hal ini berlaku ketika Mustafa Ali memegang jawatan sebagai ahli Parlimen dan juga sebagai Setiusaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, beliau pernah menglong orang-orang kawasan ini yang mahu melibatkan diri dalam bidang bidang tertentu seperti perniagaan. Hasil dari pertolongan beliau itu, ramai di antara orang-orang yang telah ditolong itu telah mencapai kejayaan sehingga hari ini. Disebabkan oleh kejayaan yang telah dicapai itu, mereka merasa terhutang budi dan mereka mesti membalaunya. Cara yang senang untuk membalaas budinya ialah dengan cara memberi sokongan kepada Mustafa Ali iaitu memilihnya sebagai wakil rakyat kawasan mereka walaupun pada sebelum ini mereka adalah penyokong UMNO.

Pertambahan bilangan pengundi di kawasan ini iaitu 7286 pada tahun 1978 kepada 9473 orang pengundi dalam tahun 1982 juga adalah salah satu sebab kemenangan Pas. Ini adalah disebabkan pengundi yang baru kebanyakannya menceburkan diri mereka dalam politik Pas. Ini terjadi akibat pengaruh yang mereka dapati hasil dari ceramah-ceramah yang diadakan. Perubahan ini dapat dilihat hasil dari pertambahan undi yang

didapati oleh calon Pas jauh lebih banyak daripada calon UMNO. Beza antara undi yang didapati antara dua pilihanraya itu ialah seperti dalam jadual yang ditunjukkan di bawah:-

Pilihanraya/Parti	UMNO	PAS
1978	2580	1808
1982	3291	3712
Perbezaan undi	711	1904

Jadual menunjukkan perbezaan undi yang di dapati oleh kedua buah parti dalam dua pilihanraya.

Kemungkinan yang lain yang menyebabkan pertambahan undi Pas ini ialah dari penyokong parti PSRM yang telah berpaling tadah. Ini terjadi sebab calon PSRM adalah bukan orang tempatan jika dibandingkan dalam pilihanraya 1978 dahulu, calonnya adalah orang tempatan. Oleh sebab itu dalam pilihanraya 1982, calon PSRM hanya mendapat undi sebanyak 183 sahaja.

Sementara itu kekalahan calon PSRM iaitu Syed Shafei Tuan Baharu pula disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah calon itu sendiri, keadaan politik pada masa itu dan juga faktor sejarah.

Syed Shafei bukanlah orang tempatan iaitu beliau bukannya berasal dari kawasan undi DUN Wakaf Mempelam. Beliau adalah berasal dari Manir. Oleh itu beliau tidak mendapat sokongan walaupun pada tahun 1978,...

calon PSRM yang bertanding di kawasan DUN ini telah mendapat undi yang banyak iaitu 1127 undi. Lagipun sebelum pilihanraya, beliau tidak pernah datang kecuali pada hari penamaan calon. Selain dari itu, beliau juga sibuk dengan urusan perniagaan beliau. Oleh sebab itulah setelah keputusan pilihanraya diumumkan, beliau hanya mendapat 183 undi sahaja.

Selain dari itu keadaan politik masa itu juga menjadi salah satu punca yang menyebabkan kekalahan calon PSRM ini. Pada masa ini orang ramai khususnya orang-orang Melayu hanya menumpukan perhatian mereka kepada dua buah parti yang dikira parti orang Melayu iaitu UMNO dan Pas. Lagi pula pada masa itu, orang ramai memilih parti yang boleh membawa kemajuan dan keuntungan kepada mereka serta yang mempunyai kaitan dengan agama. Oleh itu pada pendapat pengkaji, faktor perjuangan sesebuah parti ini akan mendapat perhatian dari para penduduk.

Tetapi mengikut salah seorang respondan yang ditemui iaitu Encik Mat Yassin Ali iaitu ketua cawangan UMNO Beladau-Kepong, yang juga seorang guru, Syed Shafei tidak mendapat sokongan penduduk kawasan ini adalah juga disebabkan oleh faktor sejarah. Mengikut beliau, ayah Syed Shafei iaitu Tuan Baharu dahulu adalah seorang yang kaya dan selalu berulang-alik dengan beberapa buah kampung di sekitar kawasan ini untuk mendapatkan barang-barang untuk perniagaan beliau. Oleh sebab beliau adalah seorang yang kaya dan mempunyai pengaruh yang kuat, beliau telah menindas orang-orang miskin dengan cara membeli barang mereka dengan harga yang murah. Ekoran dari faktor...

inilah yang menyebabkan perasaan marah orang-orang kampung terhadap Tuan Baharu dahulu ditunjukkan kepada anaknya Syed Shafei. Ini telah mengakibatkan Syed Shafei kalah dalam pilhanraya itu dengan mendapat 183 undi.

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa kemenangan dan kekalahan seseorang calon itu di dalam sesuatu pilihanraya adalah berdasarkan kepada sikap individu itu terhadap masyarakat, kelayakan akademik, dasar perjuangan parti yang dianggotai oleh calon dan sikap masyarakat terhadap calon itu. Dengan ini siapa yang lebih dari segenap segi akan mendapat kejayaan di kawasan yang diwakilinya. Dalam DUN Wakaf Mempelam ini kelebihan terletak pada Mustafa Ali yang menyebabkan beliau berjaya menjadi wakil rakyat baru dengan mengalahkan wakil rakyat dahulu iaitu Mohamad Shafei Abd. Rahman dengan kelebihan undi sebanyak 421 sahaja.

Kelebihan Mustafa Ali ini merupakan khas yang diambil dengan baik bersama-sama dengan sikap masyarakat kawasan yang dia掌管着 wakil Wakaf Mempelam tidak mudah.

Bersatu PDRM Perak telah melaksana 3 kali undi yang telah diambil pada pilihanraya 1988. Satu kesempatan di sini-sini Perak untuk memperbaiki kerancuan selain gagal menang. Ramai begitu bagi pencabar yang masih kuat, kawasan dan orang buah mereka ini malah menang. Bagi kesempatan Wakaf Mempelam yang mencapai jualan pokokai merentasi 12 ribu orang, tidak berlaku perantauan yang besar di kawasan seluruh DUN Seluruh Negeri Abdul Latif Mohamed dan wakil Pak, Haji Mustafa Ali. Haji Mustafa Ali adalah calon yang telah membawakan kesempatan kepada kawasan ini pada tahun 1988. Menteri dalam pilihanraya itu, Haji Mustafa

## BAB ENAM

### ANALISIS PILIHANRAYA 1986: SEBAB KEKALAHAN

#### PAS DI NEGERI TERENGGANU.

Pilihanraya Umum 1986 telah berlangsung pada 3hb. Ogos, 1986. Bagi negeri Terengganu, bila keputusan pilihanraya diumumkan, Barisan Nasional (BN) telah mencapai kemenangan yang gemilang. Ia telah memenangi kesemua kerusi Parlimen yang dipertandingkan iaitu sebanyak 8 kerusi. Sementara itu bagi kerusi DUN pula, BN telah memenangi sebanyak 30 kerusi daripada keseluruhan kerusi iaitu sebanyak 32. Pas hanya dapat memenangi 2 kerusi DUN iaitu Wakaf Mempelam dan juga Ru Rendang. Kedua-dua kerusi ini adalah merupakan kawasan yang ditandingi oleh Haji Mustafa Ali dan Haji Hadi Awang.

Sementara itu Pas juga telah kehilangan 3 kerusi yang telah dikuasai pada pilihanraya 1982. Ini bermakna cita-cita Pas untuk menawan negeri Terengganu telah gagal sama sekali. Namun begitu bagi pengikut yang fanatic, kemenangan dua orang kuat mereka ini sudah memadai. Bagi kawasan Wakaf Mempelam yang mempunyai jumlah pengundi seramai 12 616 orang, telah berlaku persaingan yang kuat di antara calon UMNO iaitu Enoiq Abdul Latif Mohamed dan calon Pas, Haji Mustafa Ali. Haji Mustafa Ali adalah calon yang telah memenangi kerusi kawasan ini pada tahun 1982. Akhirnya dalam pilihanraya itu, Haji Mustafa

Ali telah berjaya mengelakkan kerusi yang telah dimenanginya dahulu. Beliau telah berjaya mendapat undi sebanyak 4702 undi berbanding dengan Abdul Latif Mohamed yang mendapat undi sebanyak 4597 sahaja. Kelebihan undi yang diperolehi oleh Haji Mustafa Ali ialah 105, jauh berkurangan dari yang didapatinya dalam pilihanraya 1982. Jika dibandingkan dengan perbezaan undi yang didapati oleh Haji Mustafa Ali dan calon UMNO antara tahun 1982 dan 1986 ini, calon UMNO telah mendapat sokongan yang lebih. Ini ditunjukkan dalam jadual di bawah:-

Pilihanraya/Calon	Haji Mustafa Ali	Calon UMNO
1982	3712	3291
1986	4702	4597
Perbezaan undi	990	1306

Jadual di atas menunjukkan perbezaan undi diantara dua calon dalam dua pilihanraya.

Melihat perbezaan undi yang didapati oleh kedua-duanya ini, ternyata sokongan kepada Haji Mustafa Ali telah berkurangan walaupun bilangan pengundi telah bertambah. Manakala sokongan terhadap calon UMNO sisa telah meningkat walaupun calon tersebut tewas.

Keputusan pilihanraya yang sepenuhnya adalah seperti yang ditunjuk di bawah:-

Dewan Undangan Wakaf Mempelam (12 616)

Abdul Latif Mohamed - (BN = UMNO)	- 4597 undi.
Haji Mustafa Ali - (Pas)	- 4702 undi.
Undi Rosak	- 388 undi.
Jumlah undi	- 9687 undi.
Majoriti	- 105 undi.

Kemenangan Haji Mustafa Ali ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang telah dibincangkan dalam bab lima lalu. Selain dari itu kemenangan ini adalah disebabkan oleh ceramah Pas yang diadakan di beberapa kawasan atau kampung di daerah Kuala Terengganu. Dari ceramah ini, banyak isu dikemukakan oleh pihak Pas. Antaranya ialah tentang penyelewengan kerajaan di dalam membelanjakan wang rakyat. Selain dari itu banyak lagi isu yang dikemukakan tetapi ia adalah sama seperti keadaan sebelum pilihanraya iaitu dalam ceramah-ceramah biasa, seperti isu-isu ketidakadilan kerajaan, kerajaan gagal menjalankan undang-undang Islam, soal negeri Sabah yang telah dikuasai oleh orang bukan Islam iaitu Kristian, falsafah UMNO iaitu politik dan agama adalah suku-suku. Ini menunjukkan sikap kebendaan di kalangan pemimpin UMNO dan memberi contoh pemimpin UMNO negeri Terengganu sendiri yang menggunakan kuasanya untuk mendapatkan kepentingan diri sendiri. Juga menolak tentang dakwaan buruk yang dikenakan ke atas pemimpin mereka iaitu Haji Hadi Awang. Tetapi dari segi sokongan, yang paling kuat adalah dari penyokong-penyokong Pas dari beberapa buah kampung seperti Kampong Pulau Musang, Wakaf Mempelam, Losong dan Paloh. Ini adalah

diantara beberapa buah kubu kuat Pas berdasarkan pada lambang parti yang dijumpai apabila memasuki kawasan perkampungan mereka. Sebagai contohnya di Kampong Pulau Musang:-

'Anda sekarang berada di kawasan  
Pas. Bantulah Islam'.

(Watan, 1986).

Manakala kekalahan Abdul Latif Mohamed bukanlah disebabkan beliau tidak dikenali ramai. Beliau adalah seorang guru yang mempunyai kelayakan akademik yang baik juga. Beliau adalah seorang yang telah lama menceburkan diri dalam politik UMNO dan memegang jawatan sebagai setiausaha UMNO Kuala Terengganu.

Dari tinjauan dan temuramah yang dibuat, salah satu sebab kekalahan beliau ialah tidak ada sokongan dari ahli keluarga beliau terutamanya di Kampong Losong. Setiap kali Abdul Latif pergi ke kampung itu untuk berjumpa dengan ahli keluarganya, kebanyakannya ahli keluarganya akan melarikan diri kerana tidak mahu berjumpa dengan beliau. Ini adalah disebabkan mereka adalah penyokong kuat parti Pas.

Satu lagi faktor kekalahannya ialah beliau kurang dikenali oleh penduduk kampung yang agak terpencil kerana kurangnya perhubungan terutama lawatan sebelum pilihanraya dijalankan. Kebanyakannya undi yang diperolehi oleh calon UMNO ini adalah dari pengundi kawasan bandar yang telah lama mengenali beliau. Lagipun beliau juga kurang mempunyai orang perhubungan sebelum pilihanraya kerana beliau tidak menduga akan dipilih sebagai calon bagi kawasan Wakaf Mempelam.

Pemilihan beliau sebagai calon UMNO untuk kawasan ini adalah di-

sebabkan beliau adalah 'orang lama' dalam politik UMNO kawasan Kuala Terengganu.

Satu perkembangan yang terbaru ialah ahli Parlimen Kuala Terengganu iaitu Encik Zubir Embong akan menemui penduduk kawasan Wakaf Mempelam pada setiap bulan iaitu di akhir bulan selama seminggu untuk mendengar masalah penduduk itu.

Bagi DUN Serada pula iaitu untuk kawasan kajian Kampong Kepong, sebelum pilihanraya ramai tidak menaruh harapan untuk calon UMNO memenanginya dengan majoriti yang besar. Ini adalah disebabkan calon Pas adalah seorang yang mempunyai pengetahuan agama yang baik. Lagipun pihak Pas sendiri menjangkakan bahawa mereka akan dapat menawan kerusi DUN ini. Tetapi setelah keputusan pilihanraya diumumkan, calon UMNO iaitu Yusof bin Musa telah memenanginya dengan majoriti undi sebanyak 572 undi. Keputusan sepenuhnya ialah:-

#### SERADA (8 897)

Yusof Musa - (BN @ UMNO)	- 3766 undi.
Haji Hussin Ismail - (Pas)	- 3194 undi.
Undi Rosak	- 293 undi.
Jumlah undi	- 7253 undi.
Majoriti	- 572 undi.

Faktor utama yang menyebabkan kemenangan calon UMNO ini adalah disebabkan beliau adalah orang tempatan iaitu beliau tinggal di .....

Kampong Padang Midin. Ini adalah selaras dengan kehendak penduduk kampung semasa pengkaji memhuat kajiannya di Kepong. Kepong adalah termasuk dalam kawasan DUN Serada.

Lagipun semasa berada di bawah DUN Wakaf Nempelam pada sebelum ini, wakil rakyat ketika itu iaitu Haji Mustafa Ali tidak pernah mengambil berat tentang keadaan kampung ini. Ramai di antara penduduk kampung ini tidak mengenali beliau. Semasa berada di bawah kekuasaan wakil rakyat Pas, mereka tidak dapat mengecap kemajuan. Ini menyebabkan rakyat kawasan ini memilih calon UMNO sebagai wakil rakyat mereka yang baru. Selepas pilihanraya berakhir, beberapa bulan selepasnya, pengkaji telah membuat tinjauan semula. Kebanyakan dari penduduk kawasan ini gembira kerana telah menerima kemajuan dari segi perhubungan. Pada masa sebelum pilihanraya terdapat beberapa batang jalan merah tetapi sekarang salah satu daripada jalan tersebut telah pun ditarkan.

Kekalahan Pas yang begitu teruk di seluruh negara dan kegalangannya di negeri-negeri yang dianggap kubu kuatnya seperti Terengganu telah mengejutkan seluruh pihak di negara ini. Pihak Pas telah memberikan beberapa sebab di atas kekalahan ini. Mereka menyalahkan media massa Malaysia yang anti perjuangan Pas. Tetapi apakah ini merupakan faktor penting yang menyebabkan kekalahan tersebut? (Yahaya Ismail, 1986:5). Di sini pengkaji akan memberikan beberapa sebab mengapa Pas tewas begitu teruk di Terengganu. (Berita Harian, 1986:2).

- a) Kenyataan Haji Abdul Awang yang mempertahankan bahawa Pas .....

sebagai parti Allah. Kenyataan ini amat menyediakan kerana ia dibaratkan telah mempermudahkan agama untuk kepentingan politik.

- b) Hubungan baik Pas dengan Majlis Perundingan Cina ( CCC) yang membuat penyokong-penyokongnya marah kerana dalam tempoh yang sama Pas menyelar hubungan baik UMNO dengan orang bukan Islam.
- c) Tuduhan kafir sesama Islam. Rakyat Terengganu kesal dengan kenyataan ini kerana pemimpin Pas berani mengafirkan sesama Islam.
- d) Tindakan liar penyokong-penyokong Pas sewaktu berkempen seperti mengganggu ketenteraman orang ramai dengan deretan motor disegenap pelosok kampung yang melanggar peraturan lalulintas.

Kejadian seperti ini pernah terjadi di Terengganu iaitu di Kuala Terengganu di mana penyokong-penyokong Pas berarak di kawasan Kuala Terengganu dengan menggunakan motosikal dan kereta. Mereka juga membawa lambang Pas mengelilingi bandar Kuala Terengganu sebelum berarak menuju ke Marang. Kejadian ini berlaku sebelum pilihanraya 1986 lalu. Peristiwa yang sama juga berlaku iaitu perarakan menuju ke Jerangau dan ia hampir-hampir menimbulkan pergaduhan kerana orang-orang kampung telah menyekat perjalanan kumpulan itu. Dalam kumpulan itu disertai bersama oleh Haji Abdul Hadi.

- e) Sikap angkuh dan sombong pemimpin Pas terutama Haji Abdul Hadi Awang dan Haji Mustafa Ali yang mengemukakan pelbagai

isu bagi menambahkan pengaruh parti itu.

Setiap ceramah yang diadakan di sekitar kampung pengkaji, didapati isu yang sama sahaja yang dikemukakan. Ini menunjukkan mereka hanya menggunakan isu yang sama sahaja tetapi telah diputarbelitkan.

f) Ugutan calon-calon dan penyokong kuat Pas yang meletakkan kitab suci al-Quran di hadapan pengundi supaya menyokong Pas jika mahu masuk Syurga.

g) Wujud persefahaman dan bersatu padu di kalangan ahli UMNO beberapa hari sebelum pilihanraya.

Hal ini dapat dilihat di kawasan DUN Ru Rendang di mana ramai penduduk tidak bersetuju dengan calon UMNO iaitu Abdul Latif Mamat. Begitu juga dengan Tengku Zahid Musa terkejut kerana beliau tidak dicalonkan untuk menentang Haji Abdul Hadi. Ini menyebabkan beliau merajuk tetapi sehari sebelum pilihanraya beliau telah bekerja keras dalam menjalankan kempen supaya penduduk kawasan itu menyokong Abdul Latif Mamat.

h) Sikap terlalu yakin pemimpin-pemimpin Pas dalam pilihanraya 1986 ini.

Sikap ini diperlihatkan sebelum pilihanraya dimana mereka yakin akan dapat menawan beberapa buah negeri seperti Terengganu, Kelantan dan Kedah. Ini adalah disebabkan oleh sambutan yang diberikan terhadap ceramah-ceramah yang diadakan di negeri-negeri tersebut.

i) Pemilihan calon-calon Barisan Nasional yang lebih matang berpolitik dan mempunyai pendidikan yang tinggi, terutama di bidang agama untuk berhadapan dengan calon-calon Pas..

... yang tidak kurang hebatnya.

Situasi ini dapat dilihat di mana tiga buah DUN yang dahulunya di kuasai oleh Pas tetapi dalam pilhanraya 1986 lalu, UMNO telah berjaya menawannya kembali. Kawasan-kawasan tersebut ialah DUN Manir, DUN Batu Buruk dan DUN Tepoh (dahulunya adalah DUN Jeram). Kemenangan calon-calon UMNO ini menunjukkan pucuk pimpinan telah memilih calon-calon yang sesuai bagi menentang calon-calon Pas. Mereka memenangi kerusi kawasan tersebut dengan majoriti undi yang agak baik. Di bawah ditunjukkan keputusan sepenuhnya:-

TEPOH (9 606).

Datok Haji Abd. Rashid Mohamad (BN - UMNO) - 4629 undi.

Abu Bakar Chik (Pas) - 2558 undi.

Jumlah undi - 7509 undi.

Undi Rosak - 322 undi.

Majoriti - 2071 undi.

MANIR (7116)

Haji Awang Abu Bakar Sulong (BN - UMNO) - 2918 undi.

Dr, Harun Taib (Pas) - 2810 undi.

Jumlah undi - 5934 undi.

Undi Rosak - 206 undi.

Majoriti - 108 undi.

BATU BUROK (11 550).

Datok Haji Abdul Mutalib Salleh (BN - UMNO) - 4651 undi.

Haji Wan Mutalib Embong (Pas) - 4097 undi.

Jumlah undi - 9134 undi.

Undi Rosak - 386 undi.

Majoriti - 554 undi.

Sebenarnya simpati terhadap Pas memang luas hatta di kalangan bukan ahli Pas sendiri. Mereka menganggap adalah lebih baik mempunyai pembangkang yang kuat dari Pas di Parlimen untuk 'menegur' pentadbiran kerajaan Barisan Nasional. Di kalangan para wartawan ada yang menganggap Pas boleh mencapai 30 hingga 50 kerusi di Parlimen.

Malangnya tokoh-tokoh penting Pas membawa masuk CCC dan membuat beberapa kenyataan akhbar yang melukai hati orang-orang Melayu. Pas sanggup menghapuskan hal istimewa orang Melayu, mengakhiri DEB, menggalakkan penggunaan berbagai bahasa dalam pelajaran dalam usahanya untuk memancing undi kaum Cina yang belum pasti akan menyokong Pas lagi.

Inilah kesilapan Pas yang paling besar. Dalam keghairahannya untuk menubuhkan kerajaan Islam, Pas melupai bahawa kekuatan politiknya adalah di tangan bangsa Melayu di luar bandar.

Pas selalu sahaja membawa isu yang remeh temeh hingga menyebabkan setengah orang Melayu menjadi hambar untuk menyokongnya. Perjuangan

Pas memang baik danluhur kalau para pemimpinnya bijak berpolitik dan merancang strategi parti . Sebenarnya Pas salah strategi politik. Strategi politik Pas bolehlah diibaratkan seperti kata perumpamaan Melayu 'dengar guruh di langit, air tempayan dicurahkan'.

Harapkan sokongan CCC, Pas lupa para penyokong tradisionalnya di luar bandar yang terdiri dari orang Melayu yang beragama Islam.

Dalam masyarakat seorang wakil rakyat yang baik, akhirnya dia menggunakan

Terus terang dikatakan bahawa Pas kalah kerana ia telah melukai perasaan orang Melayu dan terlalu bermurah hati untuk memujuk CCC menyertai perjuangan Pas. (Yahaya Ismail, Mingguan Perdana, 1986).

Jika wakil rakyat itu masih berkeyakinan, maka dia wajib mengundurkan diri. Interpelasi yang juga berikut budiaya. Bahala dia tidak bagi pihak wakil rakyat pada bentuk dia adalah berasa berjaya. Sesungguhnya setiap kali dia juga wakil rakyat dia apa sahaja dia dilantik oleh wakil rakyat di kawasanya.

Bagi merdeka, orang kaya tidak boleh menjadi wakil rakyat merdeka. Ia adalah disebalkan orang kaya tidak membaur dengan sebahagian besar orang kaya yang dibedakan oleh merdeka. Ibu yang dilahir tidak orang kaya tentang manusia merdeka buiyalah pada peringkat bawah dan dia tidak dapat selamat dengan lebih jauh lagi. Seterusnya orang kaya buiyalah mempunyai kepentingan diri sendiri sibuk menjadi wakil rakyat. Lagipun bila orang kaya menjadi wakil rakyat merdeka, tiadanya manusia untuk berjasa dengan orang kaya merdeka. Ibu disebalkan wakil rakyat merdeka itu sentiasa sibuk dengan urusan peribadiannya. Kebayakannya dari pendidik buiyang adalah terdiri daripada orang matik. Dengan ini tiada potensi bagi siorang wanita apabila dia berjaya

## BAB TUJUH

### KESIMPULAN

Di dalam mencari seorang wakil rakyat yang baik, kebanyakan respondan berpendapat bahawa seseorang itu mestilah dipilih dari orang tempatan. Ini adalah disebabkan beliau akan dapat berhubung terus dengan rakyat dan rakyat akan dapat meminta bantuan pada bila-bila masa. Lagipun jika wakil rakyat itu anak tempatan, rakyat tentunya sudah mengetahui latarbelakang dan juga hati budinya. Selain dari itu bagi pihak wakil rakyat pula tentu dia sudah biasa bergaul dengan masyarakat setempat. Dia juga sudah mengetahui apa masalah yang dihadapi oleh masyarakat di kawasannya.

Bagi mereka, orang kaya tidak boleh menjadi wakil rakyat mereka. Ini adalah disebabkan orang kaya tidak memahami dengan sepenuhnya tentang masalah yang dihadapi oleh mereka. Apa yang dilihat oleh orang kaya tentang masalah mereka hanyalah pada peringkat luar dan dia tidak dapat melihat dengan lebih jauh lagi. Seterusnya orang kaya hanyalah mempunyai kepentingan diri sendiri apabila menjadi wakil rakyat. Lagipun bila orang kaya menjadi wakil rakyat mereka, timbul masalah untuk berjumpa dengannya untuk meminta bantuan. Ini disebabkan wakil rakyat mereka itu sentiasa sibuk dengan urusan peribadinya. Kebanyakan dari penduduk kampung adalah terdiri daripada orang miskin. Dengan ini timbul perasaan segan atau was-was apabila mereka ingin berjumpa

dengan wakil rakyat mereka yang kaya. Mereka juga bimbang kelak mereka tidak akan dilayan untuk mengadu masalah yang mereka hadapi. Oleh itu terpaksalah mereka menggunakan wakil walaupun masalah itu memerlukan persemuakaan dengan wakil rakyat sahaja.

Dalam pemilihan wakil rakyat ini, mereka juga mementingkan kelulusan akademik dan pengalaman yang ada pada calon itu. Mereka berkehendakkan wakil rakyat itu mempunyai kelulusan akademik yang tinggi dan juga berpengetahuan dalam agama Islam. Dengan adanya kelulusan akademik yang tinggi, ia berharap dapat menyelesaikan masalah rakyat dengan cara yang baik.

Selain dari itu dengan adanya kelulusan yang tinggi ini, maka ia akan dapat memberi ceramah dan ucapan yang baik semasa memberi penerangan kepada rakyat tentang sesuatu rancangan atau ketika berucap dalam Dewan Undangan Negeri. Ia juga berguna untuk menyampaikan hasrat rakyat kepada pihal atasan.

Dari segi pengalaman, kebanyakan respondan berkehendakkan wakil rakyat itu mempunyai pengalaman yang baik dalam politik. Dengan adanya pengalaman seperti ini, ia akan dapat menyelesaikan masalah rakyat dan mengimbangkan kedudukan kuasa yang ada padanya.

Pergabungan pendidikan yang tinggi dan pengalaman yang luas ini akan dapat membantu beliau mengetahui dengan jelas tentang perkembangan politik dan juga bidang yang lain sama ada dalam atau luar negeri. Ini akan memberi keuntungan kepada wakil rakyat berkenaan.

Berpengetahuan dalam agama Islam adalah penting bagi seseorang ...

wakil rakyat. Ini adalah disebabkan beliau adalah seorang pemimpin di kawasan orang Melayu yang kebanyakannya penduduknya beragama Islam. Sebagai seorang pemimpin, tentulah mereka akan menghormatinya jika wakil rakyat mereka mempunyai pengetahuan yang baik dalam hal ini.

Dalam melihat dasar-dasar ini, apa yang diharapkan oleh anggota komuniti ini adalah seorang wakil rakyat yang akan menjadi 'patron' atau 'broker' kepada mereka. Mereka mengharapkan 'patron' atau 'broker' itu dapat menjadi orang perantaraan bagi mereka dalam perhubungan dengan pihak atasan atau pemerintah hari ini dalam menerangkan apa-apa yang mereka tidak fahami tentang peraturan-peraturan dan sistem pemerintahan. Dengan ini mereka memerlukan penerangan yang lebih lanjut tentang perkara tersebut.

Dasar yang lain yang ditegaskan ialah mengenai ras wakil rakyat itu. Bagi respondan kawasan ini, mereka lebih berkehendakkan orang Melayu daripada bangsa-bangsa lain seperti Cina atau India. Bagi mereka bangsa Melayu adalah bangsa yang sama dengan mereka, sama seagama dan juga mudah untuk membuat perhubungan. Mereka menganggap bangsa lain adalah bangsa pendatang, tidak seagama dan juga susah untuk dipercayai.

Di dalam memilih wakil rakyat ini, terlebih dahulu respondan-respondan ini telah disosialisasikan oleh beberapa agen sama ada 'primary' atau 'secondary'. Dengan adanya agen-agen ini, maka pengetahuan mereka dalam politik akan mempengaruhi sikap dan penyertaan mereka. Mereka tentu akan dapat menilai kebaikan dan keburukan apabila mereka menyokong sesebuah parti politik itu. Seterusnya ia akan mempengaruhi..

keaktifan dan kepasifan mereka dalam penyertaan politik.

Penglibatan dan penyertaan mereka dalam politik hanyalah di kalangan dua buah parti politik yang terbesar sahaja iaitu UMNO dan Pas.

Namun begitu ada juga yang menyertai parti lain seperti PSRM, Penyertaan dalam dua buah parti politik yang terbesar ini bergantung kepada persepsi seseorang itu terhadap parti berkenaan.

Jika mereka memerlukan kemajuan, mereka akan menyokong parti UMNO tetapi jika mereka memerlukan perjuangan dari segi agama, mereka bolehlah menyokong parti Pas. Pada dasarnya kedua-dua buah parti ini dah parti politik yang lain hanyalah menggunakan dasar-dasar yang tertentu bagi kepentingan politik mereka. Apabila sebuah parti politik itu berkuasa, pemimpin atau wakil rakyat dapat membeli kereta-kereta besar, membuat rumah-rumah besar, membolot kesenangan dan keseronokan, manakala yang miskin tetap miskin walaupun parti yang mana berkuasa. (Wan Mohamad Mahyiddin, 1978:3).

Di sini dapat dikatakan sebagai konsep 'Zero Sume Game' iaitu satu konsep yang digunakan untuk menerangkan tentang hubungan antara pemimpin dan pengikutnya. (Parson, T., 1967:353).

---

'Zero Sume Game' adalah satu teori yang digunakan bila rakyat memberi kuasa kepada seseorang pemimpin, maka beretilah rakyat sudah tidak mempunyai kuasa dan sebaliknya pemimpinlah yang mempunyai kuasa. Teori ini menyebut bahawa dalam mana-mana masyarakat akan terdapat suatu keadaan dimana pihak yang mempunyai kuasa sama ada individu atau organisasi akan memperlihatkan bahawa pihak yang berkuasa dapat memutuskan apa-apa keputusan yang difikirkan baik dan juga tindakan yang patut diambil.

Dalam hal ini cara yang baik untuk mendapatkan kembali kuasa yang ada pada pemimpin itu ialah melalui demokrasi iaitu melalui sistem undi iaitu pilihanraya.

Bagi wakil rakyat pula, sebagai seorang pemimpin, beliau mestilah pandai mengendalikan masyarakat. Oleh itu wakil rakyat perlulah menyelesaikan masalah besar yang melanda masyarakat iaitu saam politik dan ekonomi.

Masalah politik adalah satu masalah yang rumit. Ini memandangkan kepada situasi sekarang ini yang mana politik negeri bezada dalam keadaan yang tidak stabil. Jika seseorang itu silap perhitungan, sesuatu perkara yang buruk akan berlaku. Oleh itu ia memerlukan kebijaksanaan dan kecekapan pada geraklangkah yang akan diambil, agar tidak merosakkan keharmonian yang sedia ada.

Hendak meninggikan taraf ekonomi Bumiputera, ialah satu masalah yang besar dan sama kompleks dengan masalah politik. Banyak rintangan yang menyekat kemajuan Bumiputera termasuk kelemahan mereka sendiri, faktor sejarah dan kuasa-kuasa 'established' yang meletakkan mereka di bawah. Usaha-usaha oleh parti dan kerajaan untuk kemajuan mereka ini kerap tidak memberi kesan yang setinggi-tingginya kerana permainan faktor-faktor ini. Dengan bertambahnya usaha-usaha pembangunan untuk rakyat, masalah-masalah yang baru pula muncul disebabkan taktik-taktik atau 'counter-moves' yang dijalankan oleh setengah-setengah pihak yang bergerak berlawanan dengan kepentingan ramai.

Bila mengusahakan kemajuan, amat mustahak difahami benar-benar konsep kemajuan agar tidak tersilap cara menyebabkan golongan mundur tidak berupaya untuk menikmati peluang-peluang yang datang mencurah-curah

kerana direbut oleh pihak-pihak yang sudah 'established'. Peluang ini hendaklah digunakan untuk menyusuh semula masyarakat. Penyusunan masyarakat hendaklah memberi keuntungan kepada golongan-golongan mundur dalam satu arus kemajuan yang meluas. Perubahan-perubahan yang dilakukan biarlah membawa manfaat kepada rakyat dan bukannya merosakkan kepentingan mereka dengan terbukanya jalan-jalan kepada petualang-petualang untuk mengeksplorasikan perubahan-perubahan itu.

Oleh sebab itu ia memerlukan pemimpin yang istimewa bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Ia bukan semata-mata bergantung kepada kelulusan akademik tanpa mengira faktor-faktor lain yang mustahak bagi keutuhan parti. 'Istimewa' di sini mengandungi erti bahawa seseorang pemimpin itu benar-benar faham akan hasrat dan cita-cita rakyat yang memilihnya dan berupaya mendatangkan kebaikan kepada mereka. Ini memerlukan seorang pemimpin yang tidak dapat dipersoalkan semangat dedikasi dan 'sense of mission' yang meluas membawa kepada keazaman untuk menang dalam pertarungannya dengan masalah-masalah.

Seorang pemimpin yang berkebolehan bukan bererti seorang itu 'intelek' sebagaimana fahaman ahli-ahli parti dan penduduk. Ini menunjukkan seolah-olah semua yang mempunyai kelulusan yang tinggi dari segi akademik itu intelek, sedangkan ini satu hakikat yang belum pasti. Dengan 'intelek' bererti kebolehan melahirkan ide-ide secara rasional dan penuh pertimbangan bagi kehendak-kehendak masyarakat. Lulusan universiti tetapi berkepala kering dan tidak berupaya untuk mengelu-

kan ide-ide tidaklah berapa jauh dengan pelajar-pelajar biasa.

Jika diteliti tentang sikap respondan terhadap politik, nyatakan mereka boleh dibahagikan kepada dua golongan. Golongan yang pertama ialah golongan pemimpin dan golongan yang kedua ialah pengikut. Bagi golongan pemimpin, mereka mempunyai sikap politik yang lebih terbuka. Ini adalah disebabkan kebanyakannya dari mereka mendapat pendidikan secara formal. Dengan adanya pendidikan formal ini, golongan ini akan mendapat pengetahuan mengenai politik negara dan hal ehwal semasa yang lain. Dengan ini mereka dapat menyesuaikan diri mereka dengan golongan bawahan. Ini dapat dirujuk kepada golongan pemimpin politik pada peringkat kampung. Lagipun mereka adalah orang perantaraan di antara wakil rakyat dan rakyat. Jika ada sesuatu yang penting dan perlu disampaikan segera kepada sesuatu pihak, maka pemimpin peringkat inilah yang akan menjadi wakilnya.

Bagi pihal pengikut pula, kebanyakannya respondan hanyalah ikut-ikutan sahaja. Ini adalah disebabkan mereka tidak mempunyai pelajaran yang tinggi. Dengan pelajaran seperti ini, maka sudah pastilah mereka tidak dapat memberi apa-apa sumbangan kepada parti. Tambahan pula mereka ini adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah dan sudah pasti tidak mampu untuk berpolitik.

Sikap yang lain yang terdapat di kalangan pengikut ini ialah sikap fanatik terhadap parti dan pemimpin mereka. Mereka tidak mahu menerima pendapat ajau pandangan orang lain walaupun pendapat tersebut adalah betul. Mereka hanya mempertahankan pendapat mereka sahaja.

Pada mereka pendapat mereka dan pemimpin mereka sahaja yang betul. Sikap begini menunjukkan mereka tidak begitu faham akan tujuan sebenar seseorang itu menjadi anggota sebuah parti politik. Hal ini mungkin adalah mereka tidak diterangkan oleh pemimpin mereka tujuan menjadi anggota parti politik atau faedah yang akan didapati dengan menjadi anggota parti politik.

Dari segi penyertaan dalam politik di kalangan penduduk kawasan ini, boleh dilihat dari dua segi iaitu aktif dan pasif.

Golongan yang aktif adalah terdiri dari golongan pemimpin yang mempunyai kepentingan dalam politik. Ini dapat dilihat dari segi kehadiran di dalam mesyuarat parti. Kehadiran mereka adalah terhad kerana yang hadir hanyalah mereka yang mempunyai jawatan dan ahli-ahli yang taksub atau fanatic terhadap parti.

Selain dari itu ahli-ahli yang hadir itu adalah orang-orang yang 'dijemput' iaitu pemimpin-pemimpin parti berkenaan terpaksa pergi dari rumah ke rumah untuk memberitahu mereka. Ini biasanya terjadi kepada ahli-ahli yang pasif terhadap perkembangan politik, kecuali di dalam sesuatu mesyuarat itu disediakan habuan, maka akan ramailah yang datang ke mesyuarat tersebut.

Boleh dikatakan majoriti daripada respondan yang ditemui memberi penilaian yang tinggi terhadap kuasa mereka untuk mengundi bagi menentukan calon wakil rakyat mereka. Hanya 2 orang respondan yang ditemui tidak keluar mengundi dalam tahun 1982 dan tahun sebelumnya. Keadaan ini disebabkan beliau berada di negeri lain iaitu di Johor.

Apabila ditanya tentang wakil rakyat yang hendak dipilihnya, respondan itu berkata:

'Pak cik menurut sahaja, sesiapa yang jadi wakil rakyat, pak cik tak kisah'.

Kesemua respondan yang ditemui menyatakan setakat ini hanya dasar parti Barisan Nasional sahaja yang boleh memerintah negara ini. Ini adalah disebabkan Barisan Nasional telah memerintah negara ini sejak merdeka dahulu lagi.

Mereka tidak dapat memberi pendapat tentang dasar parti yang lain. Ini kerana parti lain belum dapat memerintah negara ini. Bagi peringkat ini hanya pengikut parti Pas sahaja yang berkata dasar parti Pas adalah yang terbaik kerana mereka akan mengamalkan undang-undang Islam. Tetapi ini tidak dapat dipastikan sama ada ia betul-betul menjalankannya kerana mereka belum dapat memerintah negara ini.

Hasil dari kajian ini menunjukkan masyarakat di sini masih mengamalkan fahaman politik perkauman kerana kesemua respondan menyatakan bahawa mereka berkehendakkan wakil rakyat adalah dari bangsa Melayu. Jika pihak UMNO meletakkan calon mereka dari bangsa lain, mereka akan mengundi calon Pas atau tidak keluar mengundi.

Dilihat dari segi sokongan pula, kebanyakan respondan menyokong sebuah parti politik adalah secara membata tuli sahaja kerana kesemua dari respondan kecuali golongan pemimpin tidak memahami dasar perjuangan parti politik yang mereka anggotai dan juga dasar parti yang lain.

Dari segi interaksi yang berlaku di kawasan ini, ia adalah kebanyakannya berlaku sesama bangsa Melayu sendiri. Mereka biasanya berinteraksi di majlis-majlis tertentu seperti kenduri, kahwin, kematian dan juga di kedai-kedai kopitiam. Tetapi pada masa sekarang ini interaksi di kalangan orang-orang Melayu sudah jauh herkurangan. Ini adalah disebabkan adanya sifat 'pulau memulau' di antara ahli parti Pas dan ahli parti UMNO. Jika sesuatu majlis itu dibuat oleh orang Pas, maka ahli UMNO tidak akan menghadiri majlis itu dan begitu juga sebaliknya. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya perpecahan di kalangan orang Melayu. Jikalau keadaan ini tidak dikawal, sudah tentu suatu masa nanti bangsa Melayu akan menjadi pengemis di tanahair sendiri. Oleh sebab itu para pemimpin kedua belah parti mestilah berbuat sesuatu supaya orang Melayu bersatu dan memperjuangkan kepentingan orang Melayu.

Manakala interaksi di antara orang Melayu dengan bangsa lain amat kurang sekali. Ini dapat dilihat diantara bangsa Melayu dan Cina. Interaksi ini berlaku sekali sekala sahaja iaitu semasa orang Melayu dari kawasan ini pergi ke bandar untuk membeli barang-barang keperluan. Biasanya ini terjadi di musim tertentu seperti di musim perayaan dan juga di awal tahun. Di masa perayaan mereka ke bandar untuk membeli keperluan untuk menyambut perayaan itu seperti Hari Raya. Interaksi ini hanya berlaku sebagai pembeli dan penjual.

Namun ada juga interaksi yang berlaku di kawasan kampung orang Melayu itu sendiri. Ini biasanya berlaku di kalangan pekedai runcit dan tauke batangan runcit tersebut. Manakala interaksi dengan orang India boleh dikatakan tidak ada langsung. Ini disebabkan untuk mencari.....

orang India di kawasan kampung dan bandar Kuala Terengganu sendiri agak sukar. Kalau adapun hanyalah penjual kain yang datang menjauk kain-kain di kampung-kampung.

dan Pustaka Budaya Agensi, 1973.

2. Dawson, R.A., & Frewitt, E., Political Sociology: An Analytic Study, Little & Brown, Boston, 1979.
3. Riffat, Andrew, ed., Perspective in Political Sociology, The Bobbs-Merrill Company, Inc. New York, 1972.
4. Hussin Mohamed, 'Pembentukan dan Manifestasi Kesedaran Politik Dosa', di dalam 'Kesedaran Masyarakat (Antara Tradisi dan Perubahan)', suntingan Dr. Simali Kling, Utusan Publications Distributors, Kuala Lumpur, 1977.  
© TAMAT ©
5. Hollander, Edwin P., Leadership Dynamics: A Practical Guide To Effective Relationships, The Free Press, New York, 1978.
6. Kroch, B. & Critchfield, R.S./S. Glashow, R.L., Individual In Society, McGraw Hill, 1966.
7. Michael Bush & Phillip Nisbett, An Introduction To Political Sociology, Nelson Thornes University, Bristol, 1971.
8. Kilbrath, J., Political Participation, Rank McNally College Publishing Company, Chicago, 1977.
9. Hitchcock, G.D., A Dictionary of Sociology.
10. Mohamed Abu Bakar, 'Inisiatif, Minisiti dan Intergrasi Nasional', dalam 'Kesus, Kaisar dan Persebahagian', oleh Syed Hussin Ali, Sejarah Sosial Malaysia, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaysia, Kuala Lumpur, 1976.

## BIBLIOGRAFI

1. Amrullah (Hamka), Pemimpin dan Pimpinan, Pustaka Melayu Baru dan Pustaka Budaya Agency, 1973.
2. Dawson, R.A., & Prewitt, K., Political Sociology: An Analytic Study, Little & Brown, Boston, 1979.
3. Effart, Andrew. ed., Perspective in Political Sociology, The Bobbs Merill Company, Inc. New York, 1972.
4. Husein Mohamad, 'Pembentukan dan Manifestasi Kesedaran Politik Desa, di dalam 'Masyarakat Melayu (Antara Tradisi dan Perubahan)', suntingan Dr. Zainal Kling, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1977.
5. Hollander, Edwin.P., Leadership Dynamics, A Practical Guide To Effective Relationships, The Free Press, New York, 1978.
6. Krech, D. & Crutchfield, R.S., & Ballachey, E.L., Individual In Society, McGraw Hill, 1962.
7. Michael Rush & Phillip Althoof, An Introduction To Political Sociology, Nelson's University, Bristol. 1971.
8. Milbrath, L., Political Participation, Rank McNally College Publishing Company, Chicago, 1977.
9. Mitchell, G.D., A Dictionary of Sociology.
10. Mohamad Abu Bakar, 'Islam, Etnisiti dan Intergrasi Nasional, dalam 'Kaum, Kelas dan Pembangunan', oleh Syed Husin Ali, Sains Sosial Malaysia, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974.

11. Parsons, T., Political and Social Structure, Free Press, New York, 1967.
  12. Samuel P. Huntington & John Nelson, Political Participation In Developing Countries, Harvard University Press, Cambridge, 1976.
  13. Stogdill, M.R., Handbook of Leadership, Free Press, New York, 1974.
  14. Syed Husin Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1977.
  15. \_\_\_\_\_, Orang Melayu: Masalah dan Masadepannya, Penerbitan Adabi, Kuala Lumpur, 1979.
  16. Wan Mohamad Mahyidin, Garis Perjuangan Parti, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1978.
  17. Yukl, Gary.A., Leadership In Organization, Prentice-Hall, Inc., New Jersey, 1981.
- 5) Hotel Raja Bin Muda, AKHBAR DAN MAJALAH
1. Berita Harian, 22hb. April, 1982.
  2. \_\_\_\_\_, 21hb. Julai, 1986.
  3. \_\_\_\_\_, 04hb. Ogos, 1986.
  4. \_\_\_\_\_, 05hb. Ogos, 1986.
  5. Dewan Masyarakat, 15hb. Mei, 1982.
  6. Ningguan Perdana, 15hb. Oktober, 1986.
  7. The Star, 21hb. Julai, 1986.
  8. Watan, 27hb. September - 03hb. Oktober, 1986.

LATIHAN ILMIAH YANG TIDAK DIKESLUARKAN.

- 1) Abdul Rahim Ahmad, Dasar-dasar Pemilihan Wakil Rakyat Di Kalangan Komuniti Tani Pematang Berangan, Tasek Gelugor, Sebemang Prai, Pulau Pinang, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973/74.
- 2) Abdullah Osman, Sosialisasi Politik Penduduk Kampong Pulau Pisang, Tunjang, Kedah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973/74.
- 3) Abu Bakar Yahya, Aspek-aspek Kepimpinan Politik Masyarakat Tani, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973/74.
- 4) Hashim Suboh, Kampong Salang: Tinjauan Kepimpinan Luar Bandar, <sup>UM</sup> Jabatan Antropologi dan Sosiologi, <sup>UM</sup> Kuala Lumpur, 1982/83.
- 5) Mohd Nordin Mustafa, Kelakuan dan Penyertaan Politik Masyarakat Luar Bandar, Kedai Lalat, Kota Bahru, Kelantan, <sup>UM</sup> Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Kuala Lumpur, 1982/83.
- 6) Tg. Adli Tg. Abdullah, Penglibatan Politik Di Peringkat Kampong Sg. Tendong dan Paloh Tendong, Pasir Mas, Kelantan, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1980/81.
- 7) Zainon Abd. Rahman, Politik Bawahan Melayu; Satu Kajian Kes di Kg. Bemban, Dungun, Terengganu, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985/86.